



SIRI
1

MALEK BENNABI

DAN

PERGOLAKAN SOSIAL

(MALEK BENNABI DAN ZAMANNYA)

MALEK BENNABI DAN PERGOLAKAN SOSIAL

(MALEK BENNABI DAN ZAMANNYA)

Dr. Ali Al-Quraisyiy

Diterjemahkan oleh:

Mohd. Sofwan bin Amrullah



Buku Malek Bennabi dan Pergolakan Sosial ialah terjemahan buku dalam bahasa Arab yang bertajuk: 'At-Taghyeer Al- Ijtima'i' Enda Malek Bennabi.

Buku ini ditulis oleh Dr. Ali Al-Quraisyiy dan diterbitkan oleh Az-ZaharaaLi-l'Iam Al-'Arabi, Mesir dan diterjemahkan oleh Mohd. Sofwan bin Amrullah.

Terbitan pertama 2024 (Edisi E-Buku)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM).

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam penerbitan
al-Quraisyiy, Ali

Malek Bennabidan pergolakan sosial / Ali Al-Quraisyiy, terjemahan

Mohd. Sofwan Amrullah

1. Arab countries--History. 2. Bennabi, Malek, 1905-1973.
3. Algeria--Social conditions, 4. Algeria--Economic conditions. 5. Algeria--Politics and government. 6. Social change- - Arab countries 7. Social change--Islamic countries. I. Mohd Sofwan Amrullah. II Judul.

909.0974927

008.126

Diterbitkan oleh:

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Aras 3&4, Block D,
Kompleks Islam Putrajaya, No.3, Jalan Tun Abdul Razak,
Presint 3, 62100 Putrajaya



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
eISBN 978-967-5128-95-0

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Prakata	5
Pendahuluan	7
BAB 1: MALEK BENNABI DAN ZAMANNYA	
Masyarakat Algeria Abad Ke-20	11
Status Sosial dan Ekonomi	12
Perpecahan Masyarakat	16
Penghijrahan	17
Dasar Kebudayaan dan Pendidikan	18
Kristianisasi dan Memerangi Islam	18
Pembodohan dan Memerangi Arab	19
Bahasa Perancis dan Penghapusan Budaya	20
Dasar Politik:	22
1. Gerakan Penyatuan dengan Perancis	24
2. Parti Pembaharuan	25
3. Gerakan Bintang Afrika Utara	25
4. Gerakan Kesatuan Demokrasi	26
5. Parti Komunis Algeria	27
6. Gerakan Ulama Algeria	27
7. Front Pembebasan Tanahair	29
Malek Bennabi (1905-1930)	30
Period Paris (1930-1956)	32
Period Kaherah (1956-1963)	39
Kembali ke Algeria (1963-1973)	41
Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemikirannya:	
• Faktor Pendidikan dan Kemasyarakatan	42
• Perancis dan Pengaruh Peradaban Barat	45
• Faktor Penjajahan dan Serangan Pemikiran	49
• Faktor Pendidikan di Luar Sekolah	54

PRAKATA



ALHAMDULILLAH, segala puji bagi Allah SWT atas segala inayah-Nya yang telah mempermudah segala perancangan yang disusun oleh penerbit. Memahami bahawa buku ini masih mempunyai permintaan di samping tanggungjawab sosial Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) untuk terus memberi manfaat kepada masyarakat dalam bentuk sebaran ilmu, buku terjemahan Malek Bennabi ini diterbitkan sekali lagi dalam bentuk e-buku selepas 28 tahun.

Penerbitan semula ini bagi YADIM amat perlu memandangkan situasi masyarakat kita pada hari ini yang semakin membimbangkan. Rata-rata, masyarakat hari ini senang untuk mencampur adukkan tamadun dan memahami bahawa sebagai bangsa yang maju, seseorang itu perlu fleksibel dengan pelbagai bentuk kemajuan daripada semua ceruk tamadun dunia. Orang Islam pada hari ini seolah-olah tidak mempunyai jati diri sebagai umat Muhammad yang memiliki keteguhan jiwa dan iman.

Malek Bennabi, tokoh Islam yang banyak memperkatakan tentang tamadun Islam selepas Ibn Khaldun. Idea tokoh Islam ini masih relevan walaupun telah berpuluh tahun berlalu. Idea ini perlu diambil, dibahaskan dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian demi melahirkan kembali umat Islam yang gemilang. Antara petikan kata-kata beliau ialah, “Umat Islam mesti mengubati tiga penyakit besar iaitu pemikiran yang jumud, jiwa yang lemah dan iman yang telah padam sinar sosialnya.”

Buku ini pada asalnya mempunyai 3 bab. Untuk edisi e-buku ini, kami mengambil keputusan untuk menerbitkannya mengikut bab. Oleh itu, untuk edisi pertama ini kami tampilkan Bab 1 yang menfokuskan kepada latar belakang Malek Bennabi.

YADIM berharap buku ini akan dimanfaatkan oleh semua peringkat usia terutamanya generasi muda. Membacalah, kerana membaca itu menghiburkan! Malah dengan membaca kita mampu membawa kepada perubahan kerana limpahan ilmu yang terkandung dalam bait-bait hurufnya.

Firman Allah SWT yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan suatu kaum selagi kaum itu sendiri tidak (berusaha) mengubah keadaan mereka”. (al-Ra’d: 11)

Penerbit
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

PENDAHULUAN

Pada awal abad ke-20, di dunia Arab muncul beberapa tokoh yang agak menonjol dalam pemikiran tentang perubahan sosial meskipun pendekatan mereka berbeza-beza. Mereka telah melakukan kajian dan menghasilkan banyak karya dalam bentuk buku atau makalah. Ramai di antara mereka yang telah dikenali melalui karya-karya atau menerusi sumber maklumat yang luas, namun kerana sebab-sebab tertentu, terdapat juga di antara mereka yang seolah-olah dilupakan.

Malek Bennabi (1905-1973) termasuklah salah seorang yang dilupakan sedangkan beliau telah memberi sumbangan yang besar dalam menanggapi masalah-masalah besar dan penting yang telah mendapat perhatian serius daripada kaum cendekiawan dan masyarakat Islam dewasa ini.

Malah, Malek Bennabi boleh dikatakan sebagai orang terawal menulis tentang pemikiran perubahan di dunia Arab dan Islam.

Sebenarnya Malek Bennabi bukan sahaja telah membuat sistem pendekatan yang tersendiri dalam kajiannya terhadap masalah lama dan baharu, bahkan beliau juga telah melontarkan pandangan dan gagasan yang bernas untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul di dunia Islam ketika itu.

Selain itu, beliau juga tergolong sebagai intelek Muslim yang berani menyatakan pandangannya dengan penuh keyakinan bahawa masih ada sistem lain yang dapat dijadikan pendekatan untuk mencetuskan suatu kebangkitan menuju kemajuan (peradaban) selain daripada dua sistem yang sudah dikenali iaitu kapitalisme dan sosialisme.

Untuk menyahut persoalan besar itu, Malek Bennabi telah mengemukakan beberapa gagasan, pandangan serta idea yang tersendiri, lengkap dengan terminologi khas. Gagasan ini semakin popular dalam kalangan pemikir Islam dan sering digunakan sama ada dalam ucapan di seminar-seminar, buku-buku dan makalah-makalah yang ditulis oleh mereka.

Gagasan “pengislaman ilmu yang akhir-akhir ini kerap disuarakan oleh ilmuwan Muslim khususnya selepas era 80-an ini, sebenarnya, diketengahkan oleh Malek Bennabi dan telah memberi sumbangan yang amat besar melalui pemikiran dan kajiannya terhadap masalah ini. Dalam buku ini, kita akan membincangkan persoalan ini secara terperinci, insya-Allah.

Sudah tentu, orang yang mengkaji pemikiran Malek Bennabi akan mendapatinya sebagai seorang pemikir yang paling besar perhatiannya terhadap masalah umat Islam berbanding pemikir-pemikir Muslim yang sezaman dengannya, khususnya tentang usaha pembentukan semula peribadi dan masyarakat, termasuk penjelasan secara panjang lebar untuk mengenal pasti kekurangan serta kelemahannya.

Beliau turut menganalisis tentang pelbagai gejala kemasyarakatan termasuk memberi gagasan untuk memecahkan persoalan tersebut dengan idea-idea yang merujuk kepada kegemilangan umat masa hadapan.

Pendek kata, jika dikaji setiap idea dan pemikiran Malek Bennabi, tidak berlebihan jika dikatakan bahawa ia merupakan sebuah mazhab yang tersendiri.

Buku yang kami persembahkan kepada pembaca ini adalah satu kajian tentang seorang pemikir besar yang telah mengajukan idea dan gagasannya dalam dua bidang penting iaitu pendidikan dan kemasyarakatan. Beliau memang telah menumpahkan semaksimum mungkin waktu, tenaga dan upaya berfikirnya ke dalam dua bidang ini sekalipun kebanyakan kajiannya tertumpu dalam bidang kemasyarakatan. Buku ini cuba memperkenalkan kepada pembaca dua bidang kajiannya itu sebaik mungkin.

Penumpuan kajian serta perbincangan dalam dua bidang ini adalah sekadar menyesuaikan dengan disiplin kajian dan ini tentu bukan bererti membatasi penulis daripada memperkenalkan pemikiran Malek Bennabi secara lebih luas atau secara umum. Hal yang pasti, kajian ini cuba kami batasi dalam ruang lingkup masalah perubahan sosial dan pembinaan semula masyarakat Arab dan Islam menurut pemikiran Malek Bennabi.

Kami berharap para pembaca berbangsa Arab, khususnya setelah membaca buku tentang pemikiran Malek Bennabi ini, dapat melenyapkan tabir yang menghalang mereka daripada berkenalan dengan seorang pemikir besar dan unik, yang hidup dan ikut terlibat secara langsung di tengah-tengah kemelut bangsanya, menyumbangkan idea dan gagasan untuk mencari pemecahannya dan mencurahkan jerih payahnya demi kemajuan. Setidak-tidaknya, anda akan turut bersimpati kepada usaha dan perjuangannya, walaupun, anda belum dapat mempraktikkan gagasan dan ideanya.

Kami juga berharap kiranya pembaca dapat menyingkap gagasan-gagasan perubahan yang pernah muncul di Dunia Arab semenjak berlalu dua pertiga abad ini dengan pelbagai alirannya, seperti aliran Islam, liberalisme, nasionalisme dan marxisme, termasuk mengenali bentuk serta pendekatannya yang berbeza-beza.

Pada waktu yang sama, tentu kita juga dapat meletakkan posisi Malek Bennabi yang sewajarnya dalam peta percaturan pemikiran moden, begitu juga mengenali nilai gagasan perubahan yang diajukannya kepada kita.

Pemikiran yang dikemukakan oleh Malek Bennabi sangat menarik kerana ia mengajak berfikir serta menyorot permasalahan umat secara kritis, setidak-tidaknya dari beberapa segi dan inilah yang cuba kami bincangkan dalam buku ini.

Untuk mengakhiri pendahuluan ini, saya merasa perlu mengungkapkan rasa terima kasih saya kepada yang mulia, guruku sendiri, Dr Sa'id Ismail Ali yang telah banyak membantu saya hingga terbitnya buku ini, juga banyak membentuk diri saya menjadi seorang Muslim yang berfikiran "bebas". Keikhlasannya tidak mungkin saya lupakan.

Terima kasih yang sama juga saya tujukan kepada Dr. Abdul Sami' Sayid Ahmad yang telah banyak membantu saya, terutama sekali saranan dan pandangannya yang amat berharga, untuk memantapkan topik-topik yang dibincangkan dalam buku ini.

Terima kasih saya secara khusus kepada Ustaz Umar Masqawiy, seorang peguam dan pengerusi Kelab Malek Bennabi di Lubnan atas bantuan beliau yang sangat berharga.

Begitu juga kepada sahabat saya, Ustaz Sulaiman Abdul Dayim atas setiap bantuannya termasuk menyediakan buku-buku rujukan untuk saya. Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua tenaga pengajar dan rakan-rakan di perguruan yang sama yang telah banyak memberi bahan maklumat kepada saya melalui perbincangan ilmiah saya dengan mereka.

Kaherah, 1983.

Ali al-Quraisyiy.

MALEK BENNABI DAN ZAMANNYA



MALEK BENNABI DAN ZAMANNYA

GAGASAN dan idea yang lahir daripada seorang pemikir besar, sebenarnya, bukanlah hasil daripada penggunaan otak semata-mata, tetapi seperti yang selalu dituntut oleh ilmu kemasyarakatan, ia berkait rapat dengan faktor zaman dan masyarakat yang mengelilingi pemikir berkenaan dan tidak terlepas daripada tindak balas terhadap keadaan-keadaan tertentu yang berlaku di sekitarnya.

Perbincangan kita dalam bab satu ini, ialah cuba **menyingkap keadaan dan realiti masyarakat Algeria pada awal abad ke-20 ini, termasuk penelitian tentang bentuk politik, taraf ekonomi, sosial dan pendidikannya.**

Kemudian, perbincangan kedua ialah **menyingkap hidup Malek Bennabi dan tahap-tahap yang dilaluinya, sejak lahir dan kemudian masa kanak-kanaknya di Algeria, lalu bertolak ke Perancis, kemudian menetap di Kaherah, Mesir dan akhirnya kembali semula ke Algeria.**

Selain itu, peristiwa-peristiwa, kesan-kesan dan hal-hal lain yang berlaku dalam proses pertumbuhan Malek Bennabi ketika melalui tahap-tahap tersebut, akan dibincangkan di bahagian ketiga. Tahap ini amat penting dan paling banyak mempengaruhi pemikirannya serta membentuk gagasannya tentang kemasyarakatan dan pendidikan. Dalam bahagian ini juga kita bincangkan faktor-faktor yang mendorongnya membina suatu pola masyarakat yang diidamkan, dan pada waktu yang sama beliau juga turut merasakan sendiri keperitan nasib bangsanya.

Walaupun Malek Bennabi mempunyai pandangan yang agak berbeza daripada orang lain tentang suatu masalah, namun tidak bererti beliau terlepas daripada pengaruh faktor-faktor tersebut di atas.

Masyarakat Algeria Abad Ke-20

Jika kita mahu mengkaji masyarakat Algeria, elok kita tinjau terlebih dahulu gejala-gejala yang paling menonjol dalam masyarakatnya seperti tradisi peninggalan, faktor keagamaan, realiti penjajahan, keterbelakangan, perubahan serta pandangan masa depannya. Melakukan kajian terhadap gejala-gejala tersebut akan banyak menolong kita untuk memahami perilaku suatu masyarakat, kedudukan dan pembangunan yang berjalan di dalamnya.

Status Sosial dan Ekonomi

Salah satu ciri khas masyarakat Algeria ialah mereka **sangat berbangga dengan agama, tradisi serta warisannya**. Berbangga dengan nilai-nilai yang positif adalah baik, tetapi di samping itu mereka juga masih diliputi nilai-nilai yang negatif serta hal-hal tertentu yang menyebabkan masyarakat itu terkebelakang. Dengan kata lain, masyarakat Algeria ketika itu masih sangat mundur, khususnya jika dilihat dari gejala meluasnya kejahilan, buta huruf, lemahnya peranan ulama dan kurangnya pusat-pusat pendidikan.

Sebaliknya, ramai orang Algeria **cenderung kepada sufisme hingga banyak “zawiyah” didirikan dan rumah ‘suluk’ dibangunkan di tengah-tengah perkampungan masyarakat Algeria**. Hal ini merupakan salah satu penyebab mereka jauh ketinggalan. Realiti masyarakat Algeria yang seperti ini telah dipergunakan sebaik-baiknya oleh penjajah untuk memenuhi kepentingan mereka.

Maka tidak menghairankan apabila penjajah sangat bermurah hati menghulurkan tangan untuk membantu menumbuhkan nilai-nilai negatif tersebut yang jelas tujuannya agar menjadi penghalang daripada tumbuhnya nilai-nilai positif dalam kalangan masyarakat Algeria.

Sikap masyarakat Algeria yang gemar kepada sufisme lazim dipanggil sebagai “al-Murabitun”. Golongan ini terus diberi sokongan dan galakan oleh penjajah supaya bangsa jajahannya itu bertambah jauh daripada tanggungjawab sebenar mereka, supaya mereka lupa kepada usaha yang sepatutnya diutamakan.

Kecenderungan yang merugikan ini, sebenarnya telah pun disuarakan oleh al-Basyir al-Ibrahimi pada tahun 1913 dengan kata-katanya: **“Di Algeria terdapat dua bentuk penjajahan. Pertama, penjajahan dari luar iaitu Perancis dan yang kedua penjajahan dari dalam, iaitu aliran sufisme.”**¹

Sistem penjajahan yang dilakukan Perancis berlainan dari sistem yang dilakukan oleh kaum penjajah yang lain. Perancis menjajah secara menyeluruh setiap aspek hidup orang yang dijajahnya hingga mereka dapat mengawal keinginan mereka. Oleh itu, penguasaannya boleh dikatakan meliputi setiap bidang kehidupan rakyat Algeria.

Di bidang ekonomi pula, mereka menguasai tanah-tanah milik kaum petani, tanah pemuka-pemuka kabilah dan tanah wakaf. Harta tersebut dijadikannya pusat pertanian kerana tanahnya subur, lalu diserahkan kepada pembesar-pembesar pendatang dan tuan-tuan tanah yang terdiri daripada orang-orang Eropah. Sementara kaum petani Algeria hanya diberi hak mengusahakan tanah yang tidak subur dan tidak mempunyai kemudahan.

Selain itu, mereka melakukan usaha menanam modal ke dalam pelbagai bentuk yang boleh memberi pulangan yang besar. Maka tidak lama setelah itu kaum penjajah pun menguasai hampir semua bidang kegiatan ekonomi di Algeria. Sumber kewangan negara dikuasai oleh pendatang Eropah, orang-orang kaya, syarikat dan pembesar-pembesar kerajaan, yang jika digolongkan menjadi seperti yang berikut:

- Golongan pengusaha tanah dan pemodal yang pada mulanya hanya pengusaha sederhana tetapi setelah abad ke-20, mereka dapat menguasai tanah-tanah yang subur di kampung-kampung, kemudian penguasaan itu terus meluas hingga meliputi kegiatan ekonomi, harta dan perdagangan di kota.
- Golongan yang mempunyai hubungan yang erat dengan pegawai-pegawai tinggi dalam pentadbiran kerajaan. Pada umumnya, mereka terdiri daripada bangsa Eropah dan hanya segelintir orang-orang elit Algeria. Mereka benar-benar telah menguasai kekayaan negara dan masyarakat, memonopoli pasaran dalam negeri, pelaburan daripada kaum pemodal dan komunikasi dengan dunia luar, iaitu melalui sistem "menundukkan lalu memaksa" rakyat. Malah, mereka juga berupaya mengawal gerakan perubahan dan pembaharuan yang baru muncul dalam masyarakat.
- Golongan majoriti terdiri daripada para petani miskin, buruh ladang, pekerja separuh mahir dan peniaga kecil di bandar-bandar. Terdapat juga segelintir pegawai yang turut menanggung nasib malang seperti yang dialami majoriti rakyat yang tertindas.²

Akhirnya, keadaan tersebut telah memporak-perandakan sektor perusahaan tradisional rakyat Algeria hingga pasar tidak dapat dimasuki oleh kaum petani dan hancurlah keseimbangan ekonomi negara. Begitu juga dengan kaum pendatang Eropah yang mengambil tanah penduduk secara paksa untuk dijadikan kawasan operasi syarikat-syarikat yang mempunyai modal besar. Penduduk yang dirampas hartanya tidak diberi ganti rugi kecuali sekadar membenarkan mereka bekerja makan gaji dengan syarikat tersebut.

Lebih dari itu, penjahaj juga berusaha menguasai serta menahan harta keperluan harian orang awam dari beredar di pasaran. Akibatnya, gulung tikarlah orang-orang yang bekerja dalam bidang kemahiran tangan (kraftangan), sedangkan sektor ini merupakan pekerjaan popular dalam kalangan rakyat Algeria sebelum penjahaj datang ke sana.

Penjahaj juga memonopoli pasaran alat ganti pelbagai peralatan dan dengan sesuka hati menahan pengedarannya di pasaran. Ini mengakibatkan berlakunya kekurangan peralatan di kilang-kilang tempat rakyat bekerja, sebaliknya alat ganti buatan Perancis datang dalam kuantiti yang besar hingga menjejaskan penjualan alat ganti tempatan. Maka tidaklah menghairankan 7/8 penduduk dipaksa memproduksi keperluan pemodal dan perusahaan-perusahaan besar. Majoriti buruh dan petani tidak memperoleh gaji yang memadai, malah kebanyakan mereka terpaksa berhenti bekerja kerana tidak tahan menerima tekanan sewenang-wenangnya.

Imbangan perdagangan Algeria sebelum kedatangan penjahaj berlangsung mengikut keperluan negara, tetapi setelah penjahaj menjejakkan kaki di bumi Algeria, hal tersebut terus berubah. Penjahaj lebih mengutamakan barangan import dan mengetepikan produksi dalam negeri hingga hampir semua perusahaan anak jati Algeria tersungkur dan gulung tikar.

Perubahan ini menyebabkan kos hidup di negara itu melambung tinggi. Pendapatan penduduk tidak lagi mencukupi untuk menampung keperluan, sedangkan minoriti bangsa Eropah yang tinggal di sana telah pun menjadi pengusaha gergasi perdagangan yang menguasai kilang, tanah, saham dan barang dagangan yang bermacam-macam.³

Secara umumnya, ekonomi Algeria menjadi kucar-kacir, kehidupan kebanyakan rakyatnya semakin teruk. Oleh sebab, mahu mencari kehidupan yang lebih wajar maka penduduk kampung berpindah ke bandar-bandar besar Algeria lalu tinggal di rumah setinggan yang ada di sekitarnya.

Keadaan ekonomi negara yang semakin memburuk menyebabkan penduduk Algeria terpaksa menerima akibatnya. Mereka berdepan dengan situasi yang amat memeritkan, lebih-lebih lagi dalam soal kesihatan, pemakanan, penempatan dan lain-lain.

Klinik atau hospital yang ada tidak dapat menampung jumlah pesakit, manakala bilangan doktor yang ada hanya sekadar cukup untuk memenuhi keperluan pesakit berbangsa Eropah. Oleh sebab tiada jalan lain, maka rakyat Algeria kembali kepada perubatan cara tradisional, berjumpa dengan bomoh atau dukun yang memang pernah menjadi tumpuan orang kampung dahulu. Keadaan ini sengaja dibiarkan oleh pihak berkuasa. (penjahaj)⁴

Di samping soal kesihatan, [gejala yang paling ketara pada sebahagian besar penduduk adalah buruknya taraf pemakanan](#). Penduduk Algeria yang kebanyakannya hidup daripada hasil penternakan daging sebagai makanan utama mereka, tidak pernah lagi menjamah daging kecuali hanya pada Hari Raya Korban.⁵

Tempat tinggal mereka amat menyedihkan, lebih-lebih lagi selepas perang. [Mereka tinggal di pondok-pondok yang diperbuat daripada kayu atau rumah-rumah yang diperbuat daripada batu bata yang hanya mempunyai satu bilik](#). Di tempat inilah mereka tinggal, tempat yang tentu amat jauh dari taraf tempat tinggal yang dapat menjamin kesihatan mereka. Sementara rumah-rumah teres yang dibangunkan oleh kerajaan hanya cukup untuk menempatkan segelintir orang, iaitu pendatang Eropah.

Dua setengah juta rakyat Algeria hanya mampu tinggal di pondok-pondok yang dibuat daripada kayu atau rumah-rumah berbilik satu yang diperbuat daripada batu bata seperti yang disebutkan tadi. Hal ini menyebabkan merebaknya pelbagai jenis penyakit dalam kalangan rakyat hingga ramai yang mati. Malah, kematian yang menimpa kaum Muslimin jauh lebih besar jumlahnya berbanding kematian yang berlaku ke atas pendatang Eropah.⁶

[Keadaan masyarakat Algeria di bawah kekuasaan dan penindasan penjajah menimbulkan pelbagai penyakit sosial yang amat dahsyat, antara lain seperti meluasnya penjualan minuman yang memabukkan, merebaknya jenayah dan pelacuran](#). Malah, bermabuk-mabukan sudah menjadi trend di kebanyakan bandar dan malah hingga ke kampung-kampung.⁷

Hal-hal lain yang dapat dilihat di sana adalah berlakunya perpecahan dalam masyarakat dan penghijrahan rakyat.



Perpecahan Masyarakat

Selain wujudnya sistem kelas dalam masyarakat Algeria di bawah kuasa penjajah, mereka juga dibahagi-bahagikan mengikut keturunan dan etnik. Penjajah melaksanakan politik “memecahbelahkan kemudian menguasai” terhadap pelbagai keturunan dan kaum yang ada di Algeria terutama antara keturunan Arab dan Barbar.

Penjajah juga melaksanakan berbagai-bagai cara untuk mencapai maksud tersebut, termasuk mengapi-apikan perasaan perkauman yang sempit dalam kalangan suku Barbar. Penjajah juga menghidupkan bahasa loghat al-Imazighiyah, penyembahan berhala serta menetapkan kedudukan yang tersendiri bagi mereka di sisi undang-undang, iaitu membuat peruntukan undang-undang khusus yang disebut dengan istilah “bantuan untuk suku Barbar”, di samping memberi kemudahan pembelajaran dan sejumlah peraturan yang khas bagi mereka.⁸

Sementara dasar diskriminasi terhadap rakyat Algeria dan pendatang Eropah dapat dilihat pada tiga aspek penting: kemasyarakatan, politik dan ekonomi. Penjajah menganggap bangsa Eropah lebih tinggi darjatnya dan lebih hebat kemampuannya berbanding rakyat tempatan. Maka, bangsa Eropah diberi kemudahan dan jaminan sosial, ekonomi dan politik. Manakala rakyat Algeria, tidak diberi kemudahan, malah hak-hak mereka dinafikan.

Dengan kata lain, orang Eropah yang tinggal di Algeria diberi berbagai-bagai subsidi dan kemudahan termasuk kepada pegawai berpangkat rendah di sektor perkebunan, sementara hal yang serupa tidak diberikan kepada orang tempatan. Lebih dari itu, orang Eropah di sana dikecualikan dari membayar cukai walaupun mereka telah memperoleh pelbagai subsidi dan kemudahan.

Selain itu, perbezaan yang sangat jelas antara pendatang Eropah dan rakyat jati Algeria ialah dalam bidang perkhidmatan awam, terutama dalam layanan kesihatan. Perbezaan ini bukan hanya dalam pelaksanaannya; kerana undang-undang dan dasar kerajaan pun memang telah menetapkan beberapa pengecualian untuk peribumi. (Lesloisd, Indigenat) Namun, undang-undang tidak berkuatkuasa ke atas pendatang Eropah.

Tambahan lagi, kaum peribumi tidak diberi hak untuk belajar seperti yang diberi kepada anak-anak pendatang Eropah dan penyokongnya. Peribumi Algeria hampir mustahil dapat memasuki bilik kuliah untuk menamatkan pengajian mereka di peringkat universiti.⁹

Dasar diskriminasi dan tipu helah penjajah tersebut, akhirnya menyebabkan berlaku ketegangan antara dua kelompok utama masyarakat yang ada di Algeria, iaitu antara orang Eropah dengan rakyat Algeria dan hal ini berterusan sehingga meletusnya Revolusi Algeria (1962).

Sebab itulah Abdul Malik Murtadin mendakwa bahawa rakyat Algeria tidak pernah berasimilasi dengan pendatang Perancis akibat diskriminasi dan penindasan yang mereka lakukan, kecuali di beberapa bandar yang didiami majoriti orang Eropah seperti di Wahran dan Bal'abas yang terpaksa bergabung kerana tidak ada jalan lain.¹⁰

Penghijrahan

Penindasan dan pencabulan hak serta kebebasan yang berleluasa ke atas rakyat Algeria memaksa ramai mengambil keputusan meninggalkan negara itu. Kebanyakan mereka pergi ke negara lain khususnya ke Perancis.¹¹

Perpindahan beramai-ramai ini, sebenarnya, disokong dan dibenarkan oleh penjajah, kerana apabila mereka pergi ke Perancis, sudah tentu akan menguntungkan golongan kapitalis dan syarikat gergasi Perancis yang dengan mudah mendapat tenaga buruh yang murah.

Rakyat Algeria yang berhijrah ke Perancis pada umumnya bekerja di sektor-sektor yang berisiko tinggi seperti di lombong dan yang seumpamanya. Mereka tidak diberi jaminan keselamatan dan hak-hak lain yang diberi kepada pekerja berbangsa Perancis.

Rakyat Algeria yang berhijrah ke Perancis dan Eropah inilah kemudian terbukti menjadi penggerak revolusi kebangsaan. Merekalah yang banyak berperanan untuk melancarkan revolusi (1945). Boleh dikatakan, keadaan hidup mereka yang terbuang itu mendorong mereka hidup secara bermasyarakat dan politik merasa lebih bebas dan berani untuk menyuarakan pendapat menuntut kemerdekaan.

Dasar Kebudayaan dan Pendidikan

Rakyat Algeria mewarisi Arabisme dan Islam daripada datuk nenek mereka. Pengaruh Arabisme dan Islam jelas terjelma dalam penggunaan bahasa, adat dan pergaulan seharian dan inilah yang mencorakkan kegiatan keagamaan, kemasyarakatan dan kebudayaan mereka. Maka penjajah yang sudah mengenali budaya ini mendapati Islam dan Arabisme tersebut boleh menghalang matlamatnya. Oleh itu, dari awal lagi penjajah melaksanakan beberapa dasar politik.

Kristianisasi dan Memerangi Islam

Sejak tahun 1830, penjajah Perancis yang dibantu oleh sekumpulan pendeta serta misionaris Kristian telah pun berusaha untuk menukar agama kaum Muslimin di Algeria kepada agama Kristian. Kardinal Lavigerie,¹² misalnya, telah membentuk sebuah kumpulan “al-Aba’al-Baid”.

Pada tahun 1930 diadakan hari perayaan sempena 100 tahun Perancis menjajah Algeria. “Masa lambang bulan sabit menjadi asing di Algeria, sedangkan lambang salib sudah bermula dan akan berterusan untuk selamanya.”¹³ Inilah kata-kata yang selalu diulang-ulang oleh pakatan ini.

Sebenarnya matlamat mereka untuk mengkristiankan kaum Muslimin terbukti tidak berjaya, kerana roh dan pengaruh Islam dalam jiwa rakyat Algeria telah menjadi benteng yang tidak mudah dimasuki oleh dakyah mereka.

Selepas gagal mengkristiankan rakyat Algeria, penjajah dan konco-konconya beralih kepada bentuk yang lain, iaitu berusaha melalui politik dan kemasyarakatan, menjadikan rakyat Algeria semakin jauh daripada Islam.

Oleh itu, gerakan politik rakyat Algeria, pada umumnya, tidak terpisah dari gerakan keagamaan¹⁴ yang meyakini Islam sebagai ideologi perjuangan, hingga perkataan “Muslim” sinonim dengan “rakyat” dalam pengertian umum waktu itu. Gerakan yang paling bersungguh-sungguh membentuk ideologi Islam tersebut tidak lain dari kesatuan yang menamakan dirinya “al-Ulama’ al-Muslimun.”

Memandangkan semakin jelas kewujudan gerakan kemerdekaan berdasarkan agama, maka jentera penjajah lebih giat memerangi gerakan-gerakan Islam dengan pelbagai cara. Malah dengan terang-terangan, penjajah telah mencampuri urusan keagamaan kaum Muslimin, mereka ikut menentukan siapa orang yang patut menjadi imam masjid dan menyaring setiap khutbah yang akan disampaikan kepada orang ramai. Penjajah tidak membenarkan imam masjid menyampaikan khutbah yang boleh membakar semangat Arabisme dan roh Islam. Pencerobohan ini terus dilakukan meskipun menurut perlembagaan rasmi negara pihak penjajah tidak dibenarkan mencampuri urusan keagamaan.

Apabila dasar (helah) politik penjajah tertumpu kepada memerangi Islam, maka yang menjadi sasaran pertama serangan penjajah ialah orang-orang yang memperjuangkan revolusi, kemerdekaan, Arab dan Islam, kerana orang-orang inilah yang telah mengganggu kelicinan perancangan mereka.

Salah satu bukti pendekatan pragmatisme penjajah adalah mengatur isi ucapan tokoh-tokoh agama dan pemuka-pemuka sufisme. Melalui merekalah penjajah cuba menghadkan peranan agama kepada hanya sekadar sistem nilai dan ibadat khusus, bukan dalam pemikiran dan revolusi.¹⁵

Pembodohan dan Memerangi Arab

Selain menjalankan usaha penyempitan ruang gerak pendidikan secara umum dan pelajaran bahasa Arab secara khusus, penjajah Perancis juga berusaha menjadikan rakyat Algeria buta huruf dan bodoh. Mendirikan sekolah yang mengajarkan bahasa Arab dimestikan ada izin daripada pimpinan tentera atau ketua buruh. Itu pun terhad sekadar sekolah tempat menghafaz al-Quran tanpa tafsirnya, lebih-lebih lagi penafsiran ayat-ayat al-Quran yang menyeru kepada kemerdekaan dan menentang kezaliman.

Selain itu, penjajah juga berusaha melenyapkan pelajaran sejarah dan geografi khususnya sejarah dan geografi Algeria, dunia Arab dan dunia Islam dari kurikulum pelajaran di sekolah, begitu juga pelajaran kesusasteraan Arab hingga matematik. Sedangkan para tenaga pengajar Perancis dan misionari Kristian menumpukan usaha mengajarkan pelajaran sejarah, peradaban serta kehebatan tentera Perancis.¹⁶

Pelajaran yang diberikan di sekolah secara tidak langsung menekankan penghapusan Arabisme dan bahasa Arab diperhebat secara berterusan, sebaliknya hal-hal yang menunjukkan kelemahan atau yang boleh menjejaskan imej rejim Paris dilarang sama sekali.

Pada tahun 1938, Menteri Luar Perancis mengeluarkan keputusan mengharamkan pelajaran bahasa Arab di sekolah dan menganggapnya sebagai bahasa asing meskipun majoriti rakyat Algeria bercakap dalam bahasa Arab dan tidak tahu berbahasa Perancis. Inilah yang menyebabkan 9/10 rakyat Algeria tidak bersekolah.¹⁷

Manakala peluang mendapat pelajaran hanya diberi kepada segelintir orang yang mahu mengikuti kebudayaan Perancis dan mereka inilah yang diharapkan kelak dapat menyebarkan luaskan kebudayaan penjajah dalam kalangan rakyat Algeria.

Secara ringkas boleh dikatakan bahawa dasar pelajaran yang dilaksanakan oleh Perancis di Algeria adalah untuk melenyapkan penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa kebangsaan, lalu menukarnya dengan bahasa Perancis yang menyebabkan hanya sejumlah kecil rakyat mendapat peluang belajar.

Sesungguhnya, usaha penjajah mewajibkan belajar bahasa Perancis dan melemahkan pengaruh bahasa Arab, pada dasarnya, bertujuan melenyapkan semangat kebangsaan dan menghapuskan budaya bangsa itu.

Namun begitu, penduduk desa sembilan puluh peratus masih tetap menggunakan bahasa Arab dalam perhubungan harian mereka. Sementara kebanyakan penduduk bandar telah melupakan bahasa asal mereka dan kesannya masih dirasakan hingga sekarang. Seorang pelajar Algeria, Malik Haddad, pernah berkata: "Sesungguhnya aku sangat anti kepada bahasa Perancis."¹⁸

Bahasa Perancis dan Penghapusan Budaya

Sesungguhnya penjajahan Perancis di Algeria tidak terhad kepada penghapusan hal-hal yang berbentuk kebendaan tetapi ia meliputi unsur-unsur yang menyangkut dengan kebudayaan, termasuk di antaranya [usaha penghapusan bahasa](#), [nilai-nilai kemasyarakatan](#) dan [keagamaan](#). Semua aspek kehidupan rakyat turut menjadi sasaran penjajah, seperti bidang pembelajaran, persuratkhabaran dan aspek-aspek lain. Bahkan surat yang alamatnya ditulis dalam bahasa Arab pun tidak akan dihantar ke alamatnya.

Untuk melaksanakan pemaksaan budaya ini, penjajah mempergunakan tenaga dan keterampilan pakar-pakar sains kemanusiaan untuk mengenal pasti kecenderungan dan tabiat manusia, sama ada kepada individu atau masyarakat. Hal ini penting bagi penjajah supaya dapat menentukan tindakan yang tepat untuk melancarkan serangan pemikiran bagi mencapai matlamat penghapusan budaya secara menyeluruh.

Salah satu cara yang dilakukan oleh penjajah ialah mematikan estetika rakyat Algeria terhadap karya dan seni kreatif seperti sastera, teater, lagu, muzik¹⁹ dan sebagainya. Sementara orientalis Perancis di Algeria sentiasa memberi tunjuk ajar kepada pemerintah, menyediakan cara-cara yang berkesan untuk menghapuskan keyakinan rakyat terhadap diri dan sejarah bangsa mereka.

Sedangkan rakyat Algeria yang beragama Katolik dikader untuk dijadikan alat bagi memperluas penjajahan mereka di benua Afrika, bagi menghapus keperibadian bangsanya dan menggantikan jiwanya menjadi jiwa Perancis kelas dua atau tiga.²⁰

Bagi merealisasikan setiap rancangan itu, maka rakyat Algeria wajib menjadi askar Perancis dengan cara paksaan. Adakalanya mereka menggunakan dan menggalakkan pemikiran Qadariah, membiarkan gejala rasuah, mengadakan pelbagai parti keraian dan menjemput kumpulan muzik. Cara yang paling biasa mereka gunakan ialah kekerasan.

Sejumlah 252 ribu rakyat Algeria berjaya dipaksa menjadi askar Perancis dan dengan cara-cara tertentu, pihak penjajah berjaya mengubah keperibadian askar-askar itu. Lantas mereka pun berkelakuan seperti orang Perancis, mereka memakan daging binatang yang tidak disembelih secara Islam, meminum arak dan mengahwini wanita Eropah.

Pakar psikologi dan sosiologi sependapat mengatakan rakyat Algeria yang menjadi askar tersebut pasti mengalami kegoncangan jiwa dan kehidupan baharu yang sukar.

Namun begitu tidak ada jalan lain bagi mereka untuk menghindarinya. Kemudian kita tahu bahawa penglibatan tersebut telah membawa akibat yang buruk ke atas gerakan kebangsaan selepas Perang Dunia II, malah ke atas masa depan seluruh rakyat Algeria.

Pihak penjajah terus memperalatkan “boneka” mereka dan sentiasa menginstruksikan fahaman politik penjajah kepada mereka dan pada periode tertentu, boneka-boneka itu dipergunakan untuk memberi semangat dalam hal yang berkaitan dengan urusan kaum Muslimin melalui suratkhabar ‘La Frans Islamic’ walaupun jelas Perancis tidak cukup rasional menilai askar dan buruh yang bertindak zalim terhadap rakyat yang meminta mereka supaya menghormati prinsip-prinsip yang mereka laungkan ketika berlaku perang, iaitu demokrasi, kebebasan dan keadilan.²¹

Usaha memperkecil-kecilkan aspirasi orang Arab dan Islam terus dilakukan oleh penjajah dengan sistem dan pendekatan yang bervariasi. Usaha ini berhenti apabila tampuk pemerintahan di Paris berpindah ke tangan De Gaulle (1958-1962) yang mengambil pendekatan penangguhan perubahan serta perluasan budaya yang asing²² termasuk terhadap golongan pelajar.

Pada awal abad ini, para ulama di Algeria cuba menentang perancangan tersebut dengan mendirikan sekolah-sekolah Arab, masjid serta menerbitkan akhbar berbahasa Arab. Usaha murni ini telah diterajui oleh sebuah institusi “al-Ulama’ as-Muslimun” pada tahun 1930 yang melaksanakan aktiviti berbentuk pendidikan dan pengkaderan untuk menentang cengkaman penjajahan yang begitu meluas.

Dasar Politik

Sebenarnya **matlamat Perancis menduduki Algeria adalah untuk memasukkan negara tersebut ke dalam Perancis**. Oleh itu, penjajah Perancis membuat satu bentuk politik yang meletakkan rakyat Algeria tidak sama dengan pendatang Eropah supaya mudah mencapai setiap matlamatnya.

Hal ini terbukti bahawa sejak awal lagi pihak penjajah memperlakukan Eropah sama ada dari Perancis, Itali, Sepanyol, Malta dan Jerman di pihak penjajah, yang diberi hak dan keistimewaan dalam politik dan bukan politik, hal-hal yang tidak diberi kepada orang-orang Islam.²³ Sedangkan **orang Islam dikecualikan daripada hak-hak aktif dalam politik dan kenegaraan berdasarkan kepada undang-undang penjajah**. Bahkan rakyat Algeria dikehendaki tunduk kepada undang-undang tersendiri yang tidak popular di Perancis, kerana dalam pandangan penjajah, rakyat Algeria tidak mungkin dapat dikawal kecuali dengan membuat peruntukan undang-undang tersendiri yang tegas dan keras.²⁴ Walaupun rakyat diberi kebenaran membuat kegiatan yang bersifat umum, itu pun harus memenuhi beberapa syarat dan sentiasa diawasi.

Pilihanraya yang dilangsungkan bagi mengisi kerusi Majlis Rendah berdasarkan ketentuan dua pertiga dan didakwa berdasarkan keseimbangan sekalipun menjadikan pihak rakyat peribumi Algeria sebagai golongan minoriti. Pelaksananya selalu dihantui oleh tekanan dan “bau darah” selain kecurangan-kecurangan yang lain.²⁵ Sementara pemilihan wakil di parlimen Paris tidak diberi hak kepada semua rakyat Algeria selain kepada segelintir rakyat yang sudah menanggalkan “kealgeriannya” atau lebih tepatnya membuang ciri-ciri khas jati diri dan keperibadiannya sebagai Muslim menunjukkan “keperancisannya” dalam setiap aspek.

Cara pelaksanaan yang sedemikian telah dilakukan dengan terbuka sama ada dari segi politik, pentadbiran dan pemerintahan sebagai alat bertahan. Ini jelas tidak mencerminkan luahan aspirasi rakyat Algeria dan seterusnya ia tidak mungkin dapat membentuk gabungan kemasyarakatan yang utuh dan sistem politik yang jujur, sama ada ditinjau dari sudut pandangan kebangsaan atau dari sudut demokrasi gagasan Paris sendiri.²⁶

Bangsa Algeria telah dihina sedemikian rupa dalam percaturan politik sejak awal abad ini hingga berlaku Perang Dunia I. Keadaan ini menyebabkan timbulnya pelbagai reaksi yang bersifat menentang yang tercermin dalam beberapa tindakan, termasuklah lahirnya suratkhabar, organisasi politik, bantahan terhadap diskriminasi, seperti perekrutan askar paksaan dan banyak lagi indikasi yang menunjukkan adanya ketidakjujuran penjajah Perancis.

Selain itu semua, tiga perkara di bawah ini juga turut mengubah sikap rakyat Algeria:

- Persentuhan secara langsung dengan kehidupan Eropah.
- Pengaruh Timur Jauh yang terus-menerus menyerukan nasionalisme Islam.
- Perkembangan yang terjadi di seluruh dunia, seperti pertentangan antara nasionalisme dengan imperialisme, antara Perancis dengan negara-negara lain, ditambah dengan tersebarnya akhbar al-Mas’alah al-Syarqiyah melalui jemaah haji, surat-surat daripada rakyat Algeria yang tinggal di luar negeri, juga melalui suratkhabar tempatan dan Perancis.²⁷

Periode (1914-1919) senario politik di Algeria mula berubah dengan munculnya penentangan rakyat yang ditandai dengan berdirinya pelbagai organisasi yang bergiat dalam politik, kemasyarakatan dan kebudayaan yang terang-terangan bersikap konfrontatif (menentang) terhadap kebijaksanaan penjajah. Termasuk di antaranya wujudnya kesedaran baru tentang perlunya kesusasteraan kebangsaan, koresponden secara rahsia, mengadakan pelbagai kongres di samping latihan ketenteraan bagi tujuan gerakan revolusi.

Kesan dan pengaruh yang timbul dari kegiatan-kegiatan tersebut, maka gerakan kebangsaan dapat mencapai beberapa tujuan penting, antara lain:

- i. Terbongkarnya muslihat Perancis dalam bidang politik dan ketenteraan membuatkan rakyat Algeria bertambah benci kepada Perancis.
- ii. Terbukanya tembelang Perancis di mata dunia luar hingga setiap yang berlaku dalam negeri menjadi perhatian antarabangsa.
- iii. Meningkatnya sikap saling bantu-membantu antara anggota revolusi dengan rakyat awam, begitu juga antara sesama anggota gerakan kemerdekaan dengan golongan buruh serta tentera.
- iv. Wujudnya sikap dan kesedaran baru rakyat, sama ada di Algeria, begitu juga rakyat yang tinggal di luar negeri, untuk berjuang merebut kemerdekaan.
- v. Gesaan luar kepada Perancis supaya memberi hak rakyat yang dijamin oleh undang-undang (1919).²⁸

Perubahan secara umum ke arah kebangkitan gerakan politik yang terjadi di Algeria pada dua dekad pertama abad ini hingga tercapai kemerdekaan dapat digambarkan seperti yang berikut:

1. Gerakan Penyatuan dengan Perancis

Pada tahun 1919 hingga 1930, lahirlah dalam kalangan rakyat Algeria yang sekularis menggesa persamaan undang-undang yang berlaku di Perancis dan Algeria sebagai usaha ke arah penyatuan Algeria dan Perancis. Serentak dengan itu, timbul pula gesaan supaya diwujudkan persamaan antara rakyat Algeria dengan pendatang Eropah, juga dicadangkan supaya dilenyapkan diskriminasi di bidang perundangan, hukuman dan pilihanraya sekali gus meluaskan sasaran pengajaran bahasa Perancis di samping usaha pembaharuan yang lain. Dan pada waktu yang sama golongan ini menyeru supaya dihapuskan gerakan yang bersifat revolusi sebagai cara memperjuangkan kemerdekaan.

Pada tahun 1927, terjadi pula perdebatan yang rancak tentang Federasi Islam Algeria dalam kalangan kaum terpelajar dalam budaya Perancis, dan akhbar al-Taqaddum menjadi lidah rasmi mereka. Di antara mereka menonjol beberapa nama seperti Dr. Benjalul, Farhat Abbas, al-Zananiy, Dr. Benthaniy dan lain-lain.²⁹

Sesungguhnya kelompok pemuja budaya Perancis ini bersikap moderat dalam tuntutan mereka kerana ia adalah “boneka” penjajah yang bergerak secara sementara. Usahanya melalui bidang politik, khususnya beberapa matlamatnya telah gagal, juga seruannya yang ala Perancis, akhirnya tidak dapat diterima rakyat Algeria yang dijajah.³⁰

2. Parti Pembaharuan

Ia adalah gerakan kebangsaan yang didirikan pada tahun 1919 oleh Amir Khalid yang kemudian diharamkan oleh Perancis. Beberapa rancangan pembaharuan telah mereka serukan, termasuk di antaranya supaya **diberikan persamaan antara rakyat Algeria dan orang Perancis, menggesa agar rakyat diberi kerusi di Majlis Kebangsaan Perancis, mendirikan Universiti Algeria, serta mewajibkan mata pelajaran bahasa Arab dan Perancis.**

Selain itu, parti ini juga menyeru supaya diwujudkan satu undang-undang yang sama ke atas rakyat Algeria dan Perancis. Akhbar “al- Iqdam” merupakan lidah rasmi parti ini, dan akhbar ini diterbitkan secara dwibahasa, Arab dan Perancis. Mereka selalu disebut “Kesatuan Perwakilan Kaum Muslimin.”

Walaupun idea dan gagasan yang disuarakan oleh Amir Khalid tidak ditentang oleh pihak Liberalis dan pihak Islam Pembaharu, namun akhirnya gagal juga, bahkan gerakan itu berpecah dua selepas Amir Khalid dibuang negeri: aliran revolusi dan aliran moderat. Dan pada akhirnya kedua-dua aliran ini bergabung dengan parti-parti yang lain.³¹

3. Gerakan Bintang Afrika Utara

Ia didirikan di Paris pada tahun 1926. Salah seorang pengikutnya yang terkenal ialah Mushali Haj yang kemudian menjadi pemimpinnya. Sasaran gerakan ini berlainan dari gerakan-gerakan yang lain, kerana ia menumpukan perhatian kepada kaum pekerja dan penuntut Algeria yang berhijrah ke Perancis dan Eropah.

Gerakan Bintang Afrika Utara ini pada mulanya berjuang untuk kemerdekaan negara-negara di Afrika Utara, meskipun pada akhirnya ia menumpukan perjuangan bagi kemerdekaan Algeria. Di Algeria, mereka menuntut supaya penjajah keluar, membentuk tentera kebangsaan, menghapus undang-undang khas untuk rakyat tempatan, kebebasan akhbar dan diadakan pilihanraya.

Parti ini juga mula mendirikan sekolah-sekolah Arab, mengadakan pembaharuan ekonomi, menguasai harta benda, syarikat kapitalis yang telah dirampas oleh “al-Kulun.”

Kesemua tuntutan tersebut dilakukan melalui dua aliran: Sosialisme dan Arabisme. Ia tidak memusatkan diri pada ideologi Islam, bahkan ia memisahkan antara agama dan negara.³² Akhbar al-Iqdam yang pada mulanya diasaskan Amir Khalid berpindah kepada Gerakan Bintang Afrika Utara dan namanya diubah menjadi al-Iqdam De Paris.

Gerakan ini berbaik-baik dengan puak berhaluan kiri di Perancis dan dengan sesetengah kesatuan buruh lombong milik penjajah.

Lebih dari itu, ia menjalin hubungan kerjasama dengan parti komunis dari segi taktikal. Kegiatan ini berterusan dalam arena politik hinggalah ia dikuasai oleh Perancis pada tahun 1929. Sesudah itu Mushali Haj menubuhkan Parti Bangsa Algeria yang boleh dikatakan sebagai jelmaan dari gerakan yang terdahulu jika dilihat dari segi asas perjuangan dan matlamatnya, perbezaannya hanyalah pada namanya.³³

4. Gerakan Kesatuan Demokrasi

Gerakan ini dianggotai kaum borjuis seperti Farhat Abbas yang sejak lama menentang gagasan penyatuan Algeria dengan Perancis. Namun pada akhirnya gerakan ini gagal juga lalu bergabung dengan aliran kebangsaan.

5. Parti Komunis Algeria

Parti inilah satu-satunya parti politik yang dianggotai orang Islam Algeria dan orang Kristian Eropah. Matlamatnya ialah mendirikan sebuah negara republik Algeria yang merdeka, tetapi tetap “menoleh” ke Paris di bidang dasar dan keputusan.³⁴

Walaupun kegiatan komunis di Perancis dibatasi di bidang kebebasan politik, tetapi gerakan komunis di Algeria tidak dibenarkan sama sekali oleh penjajah Perancis, kerana seruannya yang menuntut kebebasan menentukan nasib sendiri bagi rakyat Algeria tidak dapat diterima oleh penjajah meskipun diseru dengan nada yang tidak keras.

6. Gerakan Ulama Algeria

Gerakan-gerakan yang disebut sebelum ini pada umumnya dianggotai dua aliran utama, iaitu liberalis yang terdiri daripada golongan terpelajar didikan Perancis yang terpengaruh dengan gagasan demokrasi ala Barat dan yang beraliran kiri yang didokong oleh orang-orang yang berfahaman komunis dan sosialis yang menentang penjajah dari segi dasar perkongsian antara kaum proletar Algeria dan proletar Perancis.

Kedua-dua aliran ini tidak banyak perbezaan dalam menyuarakan aspirasi rakyat Algeria, iaitu sama-sama tidak mampu menjelaskan garis perjuangan yang dapat memelihara ciri-ciri bangsa Algeria yang semakin punah.

Adapun gerakan ulama Algeria “al-Ulama’ al-Muslimun” yang telah berdiri pada tahun 1930 dan dipimpin Syeikh Abdul Hamid Bin Badis telah menawarkan pilihan yang ketiga bagi mencapai kemerdekaan dan kemajuan dengan sistem yang berteraskan akidah, tarbiah dan budaya yang tersusun. Slogan dan ucapan mereka ialah “kemerdekaan, kebebasan, Islam dan Arabisme.”³⁵

Ulama bangkit ketika gencarnya seruan-seruan penyatuan Algeria dengan Perancis dan anti diskriminasi, lalu mereka memusatkan perhatian untuk mentarbiyah rakyat, mendirikan sekolah dan mengutus wakil ke Perancis untuk mendidik anak-anak Algeria di sana.

Tidak lama selepas itu Syeikh Abdul Hamid Bin Badis telah melancarkan usaha-usaha perubahan masyarakat dalam ruang lingkup yang luas. Hal ini menyebabkan penjajah tidak dapat duduk tenang, kemudian berusaha menghalang dengan kelebihan yang ada padanya, seperti menggubal pelbagai peraturan, akta dan lain-lain.

Usaha Syeikh Abdul Hamid Bin Badis ternyata dapat mengubah sikap rakyat menjadi lebih berani menentang secara positif dengan kesedaran yang tinggi dibantu dengan perancangan yang saksama. Ia membantu hal-hal negatif yang masih berleluasa di dalam negeri yang berupa tradisi dan kebiasaan yang merosak. Mereka dapat mengurangi pengaruh al-Murabitun, lalu mereka meluaskan pengaruh dan gagasan mereka dalam masyarakat.³⁶

Maka terkenallah beberapa nama yang menjadi penyokong Syeikh Abdul Hamid Bin Badis seperti al-Uqba, Tabissi, Basyir al-Ibrahimi dan ramai lagi.

Gerakan Syeikh Abdul Hamid Bin Badis ini juga telah berjaya mengeluarkan beberapa suratkhbar berbahasa Arab seperti "al- Najah", "al-Syahaab", al-Basha'ir" dan lain-lain. Gerakan ulama ini telah memberi kesan yang luas terhadap cara berfikir rakyat Algeria melalui gagasan perjuangan Islam, sama ada mengubah dalam pemikiran, perilaku dan politik. Namun, gerakan ini lenyap dinamika perubahannya --- menurut sesetengah pengkaji termasuk Malek Bennabi --- sejak ia terdorong mengikuti cara bersifat tinggi (aktif politik) dan meninggalkan sistem yang dilakukan dari awal, iaitu mendidik masyarakat.



7. Front Pembebasan Tanah Air

Akibat tentangan rakyat Algeria terhadap penjajah, sama ada oleh aliran Liberalisme, Marxisme dan Islam Pembaharu untuk menuntut kemerdekaan lebih-lebih lagi bertambahnya cengkaman dan tekanan dari penjajah Perancis, juga setelah kehilangan Syeikh Abdul Hamid Bin Badis yang bijaksana, menjadi sebab melemahnya pengaruh ulama. Kebangkitan bangsa Asia dan Afrika untuk mencapai kemerdekaan yang didengar gemanya oleh rakyat Algeria. Maka mereka merasa tidak ada jalan lain bagi mereka selain berjuang mengangkat senjata.

Maka tercetus perang revolusi pada tahun 1945 antara penjajah Perancis dengan rakyat Algeria. Selain berjuang di medan perang, rakyat Algeria juga terus bangkit di bidang politik dan ketenteraan, lalu pada tahun 1945 lahirlah *Front* kebebasan Algeria yang menyusun tenaga dalam bidang ketenteraan dan berlakulah perang kebangsaan di pergunungan dan kampung-kampung.

Gerakan yang mampu menyatukan pelbagai kekuatan rakyat ini akhirnya dapat menggoncang kewujudan Perancis di Algeria hingga pihak penjajah mengalami kerugian besar, mengorbankan setengah juta tentera³⁷ dan lebih sejuta rakyat Algeria. Demikianlah mahalnya harga sebuah kemerdekaan bagi terwujudnya Republik Algeria yang merdeka pada tahun 1962.



Malek Bennabi (1905-1930)

Malek Bennabi lahir di sebuah kota bernama Tabissah, wilayah Qasantinah, Algeria pada tahun 1905. Kedua-dua ayah dan ibunya beragama Islam dan berbangsa Arab. Pasangan inilah yang telah membesarkan serta mendidik Malek Bennabi sebaik-baiknya.

Sebagaimana kebanyakan rakyat Algeria, keluarga ini juga sangat kuat berpegang pada agama dan tradisi. Guru yang pertama telah berjasa menumbuh dan membentuk peribadi Malek Bennabi ialah neneknya, iaitu melalui cerita-cerita yang berupa nasihat dan pengajaran yang selalu diceritakan kepadanya. Cerita sang nenek memberi kesan yang mendalam pada hati sang cucu.

Malek Bennabi dimasukkan ke sekolah berbentuk tradisional (pondok, kuttab), dan sesudah beberapa lama belajar di pondok tersebut barulah dia dimasukkan pula ke sekolah Perancis. Selain daripada itu, Malek Bennabi juga rajin pergi ke masjid.

Sejak kecil Malek Bennabi sudah mula merasakan betapa buruknya keadaan hidup bangsanya di bawah kuasa penjajah. Bahkan, ketika baru enam atau tujuh tahun usianya, dia telah menyaksikan dengan matanya sendiri sebahagian keluarganya dipaksa pindah (diusir) ke Tripoli Barat. Mungkin hal ini menjadi salah satu faktor timbulnya kesedaran dalam usianya yang masih muda. Perpisahan dan peristiwa-peristiwa lain yang berlaku ke atas sanak saudaranya dan rakyat Algeria, juga boleh dianggap sebagai sebahagian penyebab timbulnya “kesedaran” tersebut.

Setelah memasuki sekolah menengah nampaklah satu sifat positif pada diri Malek Bennabi, iaitu sifat suka membaca dan rajin pula mengulangkaji pelajaran. Walaupun dia sudah belajar di sekolah tetap, Sekolah Perancis, tetapi ketika cuti sekolah, dia masih lagi belajar dengan seorang guru bernama Abdul Majid. Melalui lelaki tua inilah dia belajar bahasa Arab. Di samping itu, dia juga rajin pergi ke masjid untuk mengikuti halaqah yang diadakan oleh ulama-ulama yang mahir selok-belok agama dan bahasa Arab.

Pada tahun 1921 hingga 1922, orang sibuk memperkatakan kehebatan Mustafa Kamil dan ‘Ishmat Inonu. Perkembangan yang berlaku di Timur, sama ada yang sudah atau yang sedang, menarik perhatian Malek Bennabi seperti yang dituliskannya dalam Muzakkiratnya: “Apa jua peristiwa yang berlaku, termasuk perkara-perkara yang kecil, selalu menjadi objek perhatianku.”³⁸

Pengetahuan dan pemahaman Malek Bennabi terus bertambah, selain kerana kerajinannya membaca juga kerana pemerhatiannya secara langsung. Tambahan pula dia sentiasa mengikuti perkembangan semasa melalui akhbar. Kesemua ini banyak membantu dan mendorongnya untuk memahami keadaan bangsanya yang tertindas.

Perkembangan jiwanya cenderung mencontohi peribadi seorang ulama pembaharu yang terkenal, iaitu Syeikh Abdul Hamid Bin Badis. Sebenarnya kecenderungan ini telah berputik dalam dirinya sejak kecil kerana dia sering melihat Syeikh tersebut berpidato di hadapan orang ramai di jalan-jalan raya.

Kemudian, Malek Bennabi menunjukkan perubahan sikap dan kebiasaan; dia kelihatan cenderung banyak diam dan suka bersendirian. Rupa-rupanya keadaan yang dipaksakan penjajah ke atas bangsanya meninggalkan kesan yang mendalam pada dirinya. Oleh itu, dia pun turut mengambil bahagian secara aktif berjuang melalui tulisan dan lisan untuk menyedarkan bangsanya sebaik sahaja api revolusi meletus.

Ketika di sekolah menengah, Malek Bennabi juga terpaksa bekerja sebagai pegawai dan pernah pula berniaga yang kedua-duanya memakan masa tidak kurang lima tahun.³⁹ Ketika bekerja inilah dia berdepan dengan pelbagai kesulitan yang kemudian menjadi sebab bertambah kebenciannya terhadap penjajah, kerana ketika itu dia sudah dapat merasakan penindasan dan kezaliman yang dilakukan penjajah ke atas bangsanya.

Periode Paris (1930-1956)

Setelah memperoleh sijil sekolah menengah dan setelah melalui pengalaman pahit dalam pekerjaan, Malek Bennabi bertekad melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Maka dia pun berangkat ke Paris dengan perbelanjaan daripada ibu bapanya. Dari mula dia memang bercita-cita memasuki pengajian perundangan, maka dia pun memohon masuk ke Kolej Pengkajian Timur, namun nasibnya malang kerana permohonannya tidak diterima.

Malek Bennabi sangat tertarik menyaksikan peradaban moden termasuk hasil teknologinya. Oleh itu, dia tidak mahu membuang masa, terus pergi ke muzium kesenian dan teknologi sebaik sahaja memijakkan kaki ke Paris. Dia kagum menyaksikan barang-barang yang dipamerkan dalam muzium itu, iaitu penemuan-penemuan terbaharu dan hasil teknologi terkini.

Kunjungan-kunjungan inilah yang banyak membantu memperluas pemikirannya tentang sains dan teknologi. Dan inilah salah satu pendorongnya mengikuti pengajian kejuruteraan. Lalu, dia pun mempersiapkan diri untuk masuk ke jurusan ini dan akhirnya dia diterima di sekolah yang secara khusus dalam bidang elektrik dan mekanik.

Selain belajar kejuruteraan, Malek Bennabi juga terus berusaha memperluas pengetahuan dalam pelbagai bidang ilmu. Maka pada waktu malam dia mengikuti kursus-kursus tertentu yang diadakan pada waktu malam, tidak jauh dari muzium seni dan teknologi dan melalui kursus inilah dia belajar kimia-praktikal.

Pada tahap ini kelihatan Malek Bennabi menunjukkan minat yang besar tentang pelbagai cabang ilmu dan kemahiran sebagaimana disebut dalam Muzakkiratnya: “Aku ingin mengetahui segala sesuatu, seperti Algebra, Kejuruteraan, Elektrik, Alam, dan Mekanik.”⁴⁰ Oleh itu, tidak aneh jika di dalam rak bukunya terdapat buku-buku yang berlainan bidangnya. Di situ terdapat pelbagai tajuk buku tentang kejuruteraan-praktikal. Dan inilah yang menyebabkan dia mengetahui pelbagai cabang ilmu dan pengetahuan.

Tidak berapa lama sesudah Malek Bennabi tinggal di Paris, tepatnya di jalan Trepez, dia mendapat tahu bahawa di hadapan bangunan tempat tinggalnya terletak bangunan tempat “Yayasan Pemuda Kristian Paris”. Yayasan ini bergiat dalam bidang penggemblengan kaum muda termasuk latihan bekerja jauh dari sanak saudara. Malek Bennabi tertarik melihat kegiatan mereka dan kelak hal ini diketahui banyak mempengaruhi pemikiran dan cita-citanya.

Pada tahun 1931, Malek Bennabi bertemu dengan seorang gadis Perancis yang kemudian menjadi isterinya lalu diberi nama Islamnya, Khadijah. Wanita ini banyak berjasa dalam pembentukan peribadi Malek Bennabi, khususnya dalam beberapa segi yang penting dari hidupnya.⁴¹

Selain kegiatan persekolahannya, Malek Bennabi juga menjalin hubungan dengan penuntut-penuntut yang datang dari Maghribi yang meliputi beberapa negara seperti Moroko, Tunisia dan Algeria sendiri. Penuntut-penuntut yang berasal dari sana diberi tempat tinggal khusus, iaitu di perkampungan orang Latin.

Percampuran Malek Bennabi dengan penuntut-penuntut yang datang dari Maghribi tersebut merupakan kesempatan baginya untuk melakukan pelbagai usaha menyedarkan mereka tentang pentingnya kesedaran pemikiran, politik dan pembaharuan. Dia sendiri aktif dalam pelbagai kegiatan seperti menulis makalah atau mengikuti simposium. Usaha yang dilakukannya mengajak para penuntut Afrika kepada usaha pembaharuan, Islam dan penyatuan Maghribi menyebabkan dia dianggap sebagai pemimpin kesatuan Maghribi pada waktu itu.⁴²

Pada waktu yang sama, Malek Bennabi juga giat mengedar poster yang isinya mengajak bangsa yang dijajah bangkit berjuang. Poster-poster tersebut disebar oleh Malek Bennabi dengan bantuan beberapa rakannya; sebahagian mereka memasukkannya ke peti-peti surat, sebahagian diberikan kepada wakil-wakil rakyat dan sebahagian lagi diserahkan kepada para wartawan.

Oleh kerana Malek Bennabi aktif dalam dua kegiatan sekali gus, iaitu di Yayasan Pemuda Kristian Paris dan kumpulan penuntut yang berasal dari Maghribi di perkampungan orang Latin, maka agak mudah baginya mengadakan dialog antara kedua-dua kumpulan tersebut. Tujuan dialog ini sebagaimana Malek Bennabi tulis dalam bukunya: "Agar kaumku memahami pelbagai perkara yang aku sendiri belum dapat memberi namanya ketika itu; sekarang barulah aku dapat menamakannya "pelajaran keterlibatan."⁴³

Setiap kali Malek Bennabi mengalihkan perhatiannya kepada masalah yang berlaku di tanah airnya maka timbul keprihatinan yang hebat dalam jiwanya, khususnya apabila mengikuti perkembangan gerakan perjuangan yang diterajui Mushali Haj.

Pada waktu yang sama, dia juga terdengar pekikan lantang Hitler dan Nazi di Jerman, rayuan lembut Gandhi di India, begitu juga inisiatif Syakib Arsalan membentuk organisasi Himpunan Maghribi Bersatu di Switzerland yang dianggotai penuntut-penuntut dari Morokko, Tunisia, Algeria, Syria dan Lubnan. Sedang Malek Bennabi sendiri bertindak sebagai penggerak penuntut-penuntut dari negaranya, Algeria.⁴⁴

Hubungan Malek Bennabi tidak hanya dengan penuntut-penuntut yang datang dari Maghribi, tetapi dia juga menjalin hubungan dengan penuntut dari negara lain yang sedang dijajah. Antara lain, dengan penuntut dari China, Vietnam dan lain-lain. Malah, dia juga mempunyai hubungan dengan penuntut Eropah dan Yahudi. Pergaulan yang luas ini memperkaya diri Malek Bennabi dengan ilmu kemasyarakatan, kejiwaan dan politik.

Setelah menimba pelbagai ilmu pengetahuan termasuk kejuruteraan dan ilmu alam, Malek Bennabi masih terus menitikberatkan pengkajian tentang ilmu sosial dan keislaman, lebih-lebih lagi setelah berkenalan dengan Hamudah bin al-Sa'iy, seorang penuntut dalam bidang keislaman di Universiti Sorbone. Bahkan setelah tamat pengajian dan meraih gelaran sarjana kejuruteraan elektrik, Malek Bennabi masih terus membuat kajian dalam dua bidang tersebut.

Kecenderungan Malek Bennabi mengkaji soal-soal keislaman memang banyak dipengaruhi kawan-kawan yang dekat dengannya, istimewa sekali oleh Hamudah bin al-Sa'iy. Pada masa itu, dia gemar sekali menemui orang yang baru pulang dari Mesir untuk bertanya tentang syarat-syarat memasuki Universiti al-Azhar.⁴⁵

Pernah pada suatu ketika fikiran Malek Bennabi berbelah bahagi sama ada berangkat ke Mesir untuk belajar di al-Azhar atau berangkat ke Hijaz yang terkenal dengan fahaman Wahabi, untuk meluaskan dan meningkatkan ilmunya di sana. Tarikan tanah Hijaz memang sentiasa dirasai oleh setiap Muslim kerana memang di sanalah tempat lahirnya Islam, kemudian baru tersebar ke seluruh dunia Islam yang dikenali hari ini.

Oleh sebab belum mempunyai perbelanjaan yang mencukupi untuk pergi ke sana, cita-cita tersebut terpaksa Malek Bennabi lupakan buat sementara. Sebaliknya, dia berangkat ke Albania dan terus menjelajah sampai ke Afghanistan. Pengembaraan ini sebenarnya membawa misi untuk menyeru bangsa-bangsa yang dijajah supaya bangkit dan berubah, khususnya ditujukan kepada masyarakat Islam di negara-negara yang disingahi.

Usaha membuat perubahan secara mendasar dan menyeluruh --- pada waktu itu --- ternyata terlalu sukar dilakukan walaupun tidak boleh dikatakan mustahil. Hakikat ini mendorong Malek Bennabi kembali semula kepada usaha yang telah dilakukannya sebelum itu, iaitu memberi tumpuan kepada pengkaderan penuntut dan kaum pekerja. Tentang ini dia menulis di dalam bukunya: “Aku memberi perhatian khusus kepada golongan penuntut bertujuan supaya aku dapat mengarahkan mereka kepada satu hakikat bahawa satu-satunya cara melepasi halangan ke arah perubahan kejiwaan dan kemasyarakatan yang mendasar mesti ada sokongan negara.”⁴⁶

Oleh sebab Algeria pada waktu itu masih dikuasai Perancis, maka setiap orang yang terlibat dalam kegiatan politik segera dapat dikesan oleh penjajah dan Malek Bennabi termasuklah seorang daripada sejumlah orang yang terlibat itu. Akibatnya Malek Bennabi terpaksa berdepan dengan pelbagai kesulitan dalam hidupnya. Malah, ayahnya sendiri yang bekerja dengan kerajaan turut dipecat dari jawatannya hanya kerana anaknya melibatkan diri dalam kegiatan politik dan usaha pembaharuan.

Kesulitan secara langsung mengenai Malek Bennabi mulai terasa selepas dia menamatkan pengajian di Paris dan menerima segulung ijazah dalam kejuruteraan. Sebagai seorang sarjana kejuruteraan, lazimnya tidak ada masalah untuk mendapatkan pekerjaan. Namun Malek Bennabi tidak dibenarkan penjahaj bekerja sesuai dengan kelulusannya, sama ada di Perancis atau Algeria.

Kesulitan lain yang dialami Malek Bennabi ialah perjanjian antara beliau dengan syarikat penganjur buku di Paris untuk menjual buku-buku pengetahuan di Algeria pun dibatalkan tanpa alasan yang jelas.

Walaupun sibuk menguruskan keperluan hidupnya, Malek Bennabi tidak meninggalkan minat dan kecenderungan dalam bidang pendidikan dan kebudayaan. Dia aktif mengikuti kegiatan Kelab Remaja Muslim, malah dia bersedia memberi ucapan sekiranya Syeikh al-Tabissiy berhalangan.

Malek Bennabi memang saling tolong-menolong dengan Syeikh al-Tabissiy dan jemaah pembaharuan yang lain, namun begitu dia masih menganggap mereka tidak mempunyai kesedaran politik yang mencukupi. Ada ketikanya dia secara bersendirian mengkritik gagasan Mushali Haj, orang yang dianggapnya tidak sefahaman dengan al-Tabissiy.

Segi yang lain pula, Malek Bennabi melihat sahaja setiap perkembangan yang berlaku dalam Parti Sosialis Perancis. Kerana, menurutnya, jauh lebih bermanfaat menghindari perpecahan daripada melakukan penentangan dan tunjuk perasaan ketika negara tidak stabil. Perjuangan secara perlahan tidak dianggapnya suatu kesalahan jika keadaan politik belum stabil meskipun cara ini tidak dituliskan dalam dasar pembaharuannya.⁴⁷

Malek Bennabi juga sentiasa memberi idea dan gagasan bagi menyelesaikan masalah masyarakat sesuai dengan ilmu yang dikuasainya. Antara lain, dia mencadangkan supaya masyarakat mengubah jenis tanaman, menukar lokasi pertanian ke tempat yang lebih sesuai atau mencari sumber lain yang boleh memberi pendapatan kepada rakyat.

Kepulangan Malek Bennabi ke Algeria merupakan masa pengangguran panjang baginya hinggalah datang seseorang mengajaknya ke Marseille untuk dilantik mengetuai “Pusat Kebudayaan Islam Algeria” yang baru dibuka di sana. Maka dia pun berangkat ke sana dengan tujuan dapat membimbing rakyat Algeria yang ada di sana terutama kaum pekerja. Di sana beliau telah melancarkan usaha pembasmian buta huruf, meliputi golongan tua dan muda.

Ketika di Marseille inilah Malek Bennabi mempraktikkan idea dan gagasannya dalam pendidikan. Isterinya yang mendapat julukan Ummu al-Nadiyah turut menemaninya di sana.

Barangkali kerana minat yang besar untuk membuat perubahan dan ditambah lagi dengan kecenderungannya dalam bidang pendidikan selama ini membuat Malek Bennabi cukup bersedia melakukan kerja-kerja di bidang pendidikan.

Setelah berlangsung beberapa lama, tiba-tiba seorang kawannya yang berasal dari Algeria mengajaknya ke Paris. Lelaki itu bekerja di sebuah Institut Khas Untuk Kanak-kanak Lelaki. Peluang ini dimanfaatkan untuk bercampur dengan kanak-kanak lelaki dan memahami mereka. Ternyata tidak lama setelah bekerja di tempat itu, mereka menyukainya hingga kawannya tadi tidak menyangka kemajuan itu boleh tercapai dalam waktu sesingkat itu.

Kemampuan Malek Bennabi bergaul dan menyesuaikan diri dengan pelbagai suasana dan peringkat usia manusia telah terbukti. Justeru itu, tidaklah menghairankan jika dia berjaya dalam percubaan pertama dalam pendidikan di Marseille.

Malek Bennabi mempunyai pendekatan yang tersendiri, iaitu mengajar dan bergaul dengan para murid dijadikan sebagai sistem mengajar dan ini ternyata memberi kesan yang menggalakkan. Namun sayangnya, usahanya itu terpaksa diberhentikan setelah berlangsung selama sembilan bulan. Pihak pengajian tinggi di Marseille memerintahkan supaya dia berhenti mengajar kerana dianggap tidak mempunyai kelayakan. Ternyata kemudian diketahui bahawa pemecatan ini adalah kerana pendirian politiknya terhadap penjajah, khususnya kerana penyertaannya dalam satu muktamar yang baru berlangsung di Paris.⁴⁸

Malek Bennabi kembali ke Algeria. Tidak berapa lama di sana dia mengambil keputusan untuk kembali ke Paris pada tahun 1939. Kedatangannya kali ini membawa aspirasi bangsanya, lebih-lebih lagi kerana pada waktu itu belum ada anak bangsanya yang terjun dalam perjuangan kemerdekaan melalui bidang pemikiran.

Ketika berada di Perancis inilah Malek Bennabi berjaya menemui puluhan pemikir, pengkaji, wartawan dan juga orientalis.⁴⁹ Bahkan dia diterima menjadi wartawan di harian "La Monde". Namun begitu dia terus berusaha menulis buku.

Sebagai penulis dan wartawan, Malek Bennabi menulis tentang Algeria, hal-hal yang berkaitan dengan Dunia Arab dan Islam. Malah, persoalan-persoalan yang menimpa Dunia Ketiga tidak lepas dari sorotannya. Pengalaman yang luas sebelum itu turut menjadi bahan yang digarap dalam tulisannya. Lapangan kerja yang diceburinya memaksanya berkecimpung di dunia yang lebih luas, bergomol di tengah-tengah suasana budaya moden yang sudah terpesong, namun dia tidak lupa kepada usaha yang menjadi keutamaannya menentang segala bentuk kezaliman. Melalui tulisan dan ucapannya, sedikit atau banyak dia telah berjaya mengubah pandangan dan anggapan dunia terhadap Dunia Ketiga.

Buku-buku yang ditulisnya ternyata mampu menggugah rasionalisme Barat untuk mengkaji Islam dan al-Quran. Buah fikirannya berjaya menarik perhatian sejumlah cendekiawan Perancis yang mencari kebenaran. Salah satu di antara bukunya yang telah memberi kesan positif dalam kalangan pemikir Eropah ialah al-Zahirah al-Qur'aniyah yang diterbitkan dan dicetak di Paris pada tahun 1947. Seorang sarjana Perancis, Dr. Ali Sulaiman Banua mengaku memeluk Islam setelah membaca buku tersebut.⁵⁰

Selain buku tersebut, pada dekad itu juga Malek Bennabi telah menerbitkan beberapa buku, antara lain:

1. Syurut al-Nahdah.
2. Wjihah al-'Alam al-Islamiy.
3. Labbayk.
4. Fikrah al-Afriqiyah al-Asiwiyah fi Daw' Mu'tamar Bandung.

Di samping sejumlah buku tersebut Malek Bennabi juga telah menulis banyak rencana yang disiarkan oleh akhbar dan majalah di Perancis dan Algeria.

Pada awal tahun 50-an tercetuslah revolusi di Algeria dan tidak lama selepas itu terbentuk pulalah barisan pejuang kemerdekaan di negara itu. Adapun Malek Bennabi pada waktu itu tinggal di Paris dan berjuang melalui tulisan dari sana. Barangkali kerana pandangan dan pendekatannya yang berlainan membuatnya seolah-olah terasing dari “arus” gerakan perjuangan kemerdekaan yang ada di negaranya, sama ada dari kelompok liberalisme, marxisme begitu juga kelompok Islam Pembaharu sendiri.



Hal seperti itu berterusan hingga terbentuknya pemerintahan di tangan pejuang kemerdekaan tidak berapa lama sesudah itu. Bahkan beberapa gagasan yang dikemukakannya sering bertentangan dengan pandangan sesetengah individu anggota pejuang kemerdekaan tersebut. Mungkin ini kerana Malek Bennabi sendiri meletakkan dirinya sebagai pengkritik sebagaimana disebut secara ringkas. "Sesungguhnya pada masa pemerintah sementara berlaku di Algeria, rakyat telah dipaksa diam meskipun terang-terang kemungkaran berlaku di depan mata mereka. Apa juga pendapat yang disuarakan rakyat tidak dipedulikan. Hanya Allah yang tahu berapa banyak keuntungan mereka ambil dari kebisuan rakyat ini."⁵¹

Ketidaksefahaman ini berlanjutan hingga ke zaman rejim Ahmad bin Bela⁵² dan mungkin inilah salah satu penyebab Malek Bennabi mengambil keputusan untuk berangkat ke Kaherah dan tinggal di sana selama beberapa tahun.

Periode Kaherah (1956-1963):

Semenjak kecil Malek Bennabi memang sudah bercita-cita pergi ke Timur. Seiring dengan keadaan hidupnya yang seolah-olah terasing dari bangsanya pada tahun 50-an, maka dia terdorong untuk berangkat ke Mesir, lebih-lebih pula pada waktu itu tercetus revolusi baru. Pada tahun 1956, dia berangkat ke Mesir bersama buku yang ditulisnya, *Fikrah al-Afriqiyah al-Asiwyah fi Daw' Mu' tamar Bandung*.

Peristiwa 1 Julai telah menarik minat Malek Bennabi yang sentiasa mencari-cari medan untuk melakukan perubahan di Dunia Arab dan Dunia Islam, tinggal di kota Kaherah.

Bandar Kaherah merupakan tempat yang menarik kerana keistimewaan yang ada di dalamnya, khususnya medan pengkajian soal-soal yang ada kaitan dengan Dunia Arab dan kemerdekaan. Malek Bennabi menetap di bandar ini, juga turut mengambil bahagian memberi informasi tentang Algeria.

Ketika di Kaherah ini dia telah menerbitkan sebuah makalah yang bertajuk *Al-Najdah al'Sya'b al-Jaza'iriy Yubad*. Di sana jugalah dia dapat bersemuka dengan Perdana Menteri Perancis. Semua ini dilakukannya secara bersendirian.

Dalam kalangan pelajar, dia dikenali sebagai orang yang terasing dari arus revolusi tetapi dia sedar bahawa mereka sebenarnya belum mengenali dan memahami siapa dirinya yang sebenar.⁵³

Setelah tinggal agak lama di Kaherah, beberapa individu yang terdiri daripada orang-orang Arab dan Islam yang terpelajar tertarik kepada gagasan dan pemikirannya. Pertemuannya dengan Abdul Sabur Syahid adalah titik tolak bermulanya dia dikenali di Dunia Arab. Kemudian atas inisiatif Syahin, buku-buku Malek Bennabi diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.

Selain Abdul Sabur Syahin, ada seorang lagi yang berminat terhadap usaha penterjemahan tersebut, iaitu Umar Masqawi. Bahkan yang disebut terakhir ini terus berusaha menerbitkan karya-karya Malek Bennabi, juga selepas kewafatannya.

Sewaktu berada di Kaherah ini juga Malek Bennabi sempat bersua muka dengan ramai pemikir dan ulama Mesir. Majlis yang diadakan Malek Bennabi dihadiri oleh para ilmuwan pemikir yang sudah cukup terkenal, dia mengajak mereka berdialog tentang pelbagai masalah. Antara orang yang datang menghadiri majlisnya ialah seorang jurutera, Ahmad Abduh al-Syarbashiy, Mahmud Syakir, Ahmad Hasan al-Baquiry dan lain-lain.

Malek Bennabi juga pernah dilantik menjadi pengerusi Muktamar Islam di Kaherah. Dia memang aktif mengikuti berbagai-bagai muktamar yang membincangkan soal-soal keislaman.

Ternyata tinggal di bandar Kaherah merupakan peluang keemasan baginya untuk berkenalan dengan berbagai-bagai manusia penting termasuk pula untuk memperbaiki bahasa Arabnya, lisan dan tulisan. Ketika di sana, buat pertama kalinya beliau dapat menerbitkan karya berbahasa Arab, iaitu bukunya yang bertajuk al- Shira' al-Fikriy fi Bilad as-Musta'mirah.⁵⁴



Malek Bennabi menganggap 1 Julai sebagai permulaan bagi gerakan perubahan sosial yang dapat dijadikan sebagai panduan. Ketika itu dia berfikir dan menulis berdasarkan idea-idea yang ada di dalam benaknya untuk membuat pembinaan semula masyarakat. Barangkali dari tulisan-tulisannya yang dihasilkan ketika itu seperti *Ta'amulat fi al-Mujtama' al-'Arabiyy*, *Milad Mujtama'* dan *Hadith fi al-Bina' al-Jadid* merupakan refleksi isi fikiran dan cita-citanya pada masa itu.

Kaherah merupakan gerbang bagi Malek Bennabi menuju Timur, kerana dari situlah dia memulakan perjalanannya ke Syria dan Lubnan, dua negara yang pernah dikunjunginya pada tahun 1959 dan yang membolehkan terjalannya hubungan budaya dan pemikiran dengan dialog dan tukar fikiran selain berucap pada pertemuan-pertemuan di beberapa pengajian tinggi atau kelab kebudayaan. Period ini merupakan permulaan menonjolnya namanya di Dunia Arab yang terbukti selepas itu dia selalu dijemput mengikuti pelbagai muktamar yang diadakan di berbagai-bagai tempat seperti Kaherah, Mekah al-Mukarramah, Kuwait dan Tripoli Barat.⁵⁵

Kembali ke Algeria (1963-1973)

Setelah sekian lama hidup terasing dari peta percaturan pemikiran dan politik Algeria, juga setelah bertahan dengan sikapnya untuk meletakkan dirinya sebagai pengkritik kepada pemerintahan Gerakan Revolusi Algeria, maka Malek Bennabi pulang ke tanahair apabila tampuk kekuasaan negara itu berpindah ke tangan Huwairiy Bomedin.

Di Algeria, beliau dilantik memegang beberapa jawatan penting, pertama sebagai Pengarah Pelajaran Peringkat Tinggi, kemudian sebagai Rektor Universiti Algeria dan yang terakhir sebagai Ketua Pengarah Pelajaran Peringkat Tinggi Algeria.

Tulisan-tulisan yang dihasilkannya pada period ini tetap dalam bidang yang sama, cuma cakupannya lebih luas, meliputi perkembangan sebelum dan selepas merdeka.

Menulis tentang perubahan sosial dan pembinaan semula masyarakat merupakan minatnya yang utama. Pada waktu itu pulalah beliau berjaya menerbitkan beberapa lagi buku, antara lain:

1. Afaq Jaza 'iriyah.
2. Musykilah al-Afkar fi al-'Alam al-Islamiyy.
3. Al-Muslim fi al-'Alam al-Iktishad, dan
4. Yawmiyat Syahid a-Qarn al-Tifl, al-Talib.

Di samping itu beliau juga terus mengikuti pelbagai forum dan menulis makalah.

Di ibu kota Algeria, Aljiers, beliau membangun sebuah kelab yang selaku dikunjungi muda-mudi dari pelbagai ceruk rantau Afrika Utara dan Eropah dan di situ diadakan kegiatan mingguan. Tahun 1967, beliau meletak jawatan dalam kerajaan kerana mahu menumpukan perhatian dalam bidang pemikiran dan untuk mengurus beberapa kelab.

Pada tahun 1971, beliau berwasiat kepada seorang murid sekali gus sahabatnya, seorang peguam berbangsa Lubnan, Umar Masqawiy, supaya menjaga setiap peninggalannya termasuk memberi izin menerbit dan menterjemahkan setiap hasil karyanya.

Kemudian, pada tahun 1972 beliau menunaikan ibadat haji yang menempuh perjalanan melalui Damsyik dan ketika singgah di sana beliau sempat berpidato di khalayak ramai, yang bertajuk “Peranan Muslim Pada Sepertiga Akhir Abad Ke-20”, seolah-olah inilah pesanan yang terakhir dari Malek Bennabi kepada umat.⁵⁶

Tidak lebih setahun selepas pulang dari menunaikan haji beliau meninggal dunia, iaitu akhir tahun 1973 dalam usia 68 tahun. Lelaki yang telah membangun sahara Algeria dengan rimbunan keilmuan yang sangat penting nilainya telah pergi meninggalkan kita untuk selamanya.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemikirannya

Perbahasan ini adalah satu kajian tentang keadaan dan faktor-faktor yang mempengaruhi pola pemikiran Malek Bennabi dan yang menyumbang dalam pembentukan gagasan dan prinsipnya secara umum. Di samping memperhatikan dasar dan sumber idea, sikapnya dalam soal pembaharuan, perubahan dan pendidikan. Faktor-faktor tersebut dapat disimpulkan seperti yang berikut:

Faktor Pendidikan dan Kemasyarakatan

Dalam hidupnya di tengah-tengah suasana kekeluargaan, diasuh oleh pasangan suami isteri yang taat beragama, mendapat penjagaan yang secukupnya dan menyediakan tempat belajar baginya. Di samping itu, dia bernasib baik mempunyai nenek yang sentiasa menasihatinya dan memberi kefahaman tentang kebaikan dan keburukan sambil menanamkan nilai-nilai moral. Inilah pendidikan yang mula-mula membentuk peribadi Malek Bennabi.

Neneknya memainkan peranan sebagai pendidik pertama yang telah menanamkan nilai-nilai akhlak ke dalam dirinya, ditambah lagi dengan kemasukannya ke pondok untuk belajar al-Quran meskipun ini tidak banyak membantunya dalam soal bahasa tetapi telah membentuk diri dan jiwanya menjadi seorang yang mempunyai penghayatan agama. Suasana masyarakat Algeria yang ada di sekelilingnya yang masih kuat keagamaannya juga turut membentuk serta memupuk rasa keagamaan dalam jiwa beliau ditambah lagi dengan kebiasaannya mengunjungi masjid sejak kecil. Maka tentang ini Malek Bennabi berkata: "Sesungguhnya jiwaku berada dalam fahaman itu dengan cara yang tersendiri dan aku amat berminat menumpukan perhatian tentang kejiwaan ketika umurku baru 30 tahun."⁵⁷

Selain itu, berbagai-bagai peristiwa benar yang diketahuinya melalui cerita dan yang disaksikannya tersendiri, telah turut memberi kesan yang memedihkan dalam jiwanya. Neneknya bercerita tentang peristiwa ibunya terpaksa meninggalkan kotanya apabila penjajah masuk ke kota itu, begitu juga keluarganya dipaksa pindah ke Tunis bersama seribu satu macam penderitaan lainnya.

Itulah sebahagian cerita yang sampai kepadanya. Namun dia sendiri pun turut menyaksikan peristiwa-peristiwa yang tidak kurang kejamnya, iaitu ketika dia baru berumur enam atau tujuh tahun, sebahagian sanak saudaranya telah dipaksa pindah ke Tripoli Barat ketika gelombang pengusiran berleluasa di dua kota: Qasantinah dan Tilmisan, kerana keengganan rakyat menerima penjajah.⁵⁸

Sesungguhnya kesedaran yang awal pada diri Malek Bennabi serentak dengan gambaran peristiwa yang bergelora di dalam masyarakat. Ia menyedari berlakunya kucar-kacir sistem ekonomi dan kemasyarakatan selepas berakhir Perang Dunia; bangunan-bangunan lama diruntuhkan dan bangunan baharu didirikan sebagai gantinya. Maka lenyaplah perusahaan-perusahaan tradisi rakyat dan sebagai gantinya lahirkah kaum borjuis baru serentak dengan tumbuhnya sejumlah bank, kompleks perdagangan, bar dan kafe; perubahan kepada pakaian ala Eropah sementara di pihak rakyat timbul pula gejala kemiskinan yang meluas di samping perpecahan masyarakat.

Semua perubahan itu benar-benar amat dirasakan Malek Bennabi kerana dia sendiri tinggal di celah-celah jalan dan rumah-rumah pendatang Eropah di Qasantinah. Dia adalah seorang di antara sanak saudara yang terpaksa hidup dalam keadaan yang memilukan. Semua ini meninggalkan kesan yang amat pedih di jiwanya dan menjadikan soalan-soalan yang dirasanya perlu dicari jawapannya melalui reaksi masyarakat yang diikuti upaya membuat perubahan dalam hal-hal tertentu dan mengembalikan tradisi tertentu pula dalam bidang yang lain. Ke arah dua matlamat inilah dia menumpukan perhatian.

Di antara dua bidang tersebut di atas, antara pemikiran dan kejiwaan, Malek Bennabi lebih cenderung kepada yang kedua. Ini mungkin banyak dipengaruhi oleh pengalaman yang dilaluinya dalam keluarganya dan pengaruh gurunya seperti Syeikh Abdul Majid yang terang-terang menunjukkan ketidaksesuaiannya dengan golongan “al-Murabitun”, begitu juga dengan penjajah Perancis dan sesetengah tradisi yang diamalkan masyarakat.⁵⁹

Ditambah pula pengaruh dari gurunya yang lain, seperti Syeikh Ibnu al-'Abid, Syeikh al-Mawlud bin al-Mawhub dan yang lain- lain yang dianggap telah membentuk diri Malek Bennabi dalam budaya Arab dan Islam ketika kecilnya atau sebelum dia mencapai usia 15 tahun.

Salah seorang yang banyak membantunya dalam hal ini ialah Muhammad bin al-Sa'iy, selain sebagai seorang sahabat lelaki ini juga telah dianggapnya sebagai gurunya, kerana dia telah membimbing dan memberi teladan kepadanya dalam hidupnya. Dia tertarik sekali dengan kemampuan Muhammad al-Sa'iy mentafsir dan memilih ayat-ayat al- Quran yang relevan dengan keadaan masyarakat semasa.⁶⁰

Guru-guru Perancisnya juga turut menyumbang dalam perkembangan Malek Bennabi; gurunya yang bernama Martin mengajar seni menulis dan menggalakkan mengulang-kaji; dan guru yang lain pula telah membuka horizon baru baginya untuk mempelajari sejarah dan sastera Perancis, termasuk memperkenalkannya kepada pemikiran Descartes yang dianggap sebagai faktor awal yang membentuk pemikiran intelektualnya.

Di segi yang lain, keadaan yang sedang berlaku dalam masyarakat sekelilingnya — penindasan dan keterbelakangan — ikut membentuk keperibadiannya. Pada zaman remajanya dia menjadi seorang yang banyak merenung dan berdiam kerana asyik memikirkan jawapan dan penyelesaian bagi persoalan besar yang dialami masyarakatnya.⁶¹

Sesungguhnya keperitan yang dilaluinya sejak kecil merupakan satu pendorong yang menjadikan Malek Bennabi sebagai pemikir. Dengan ungkapan lain, realiti yang berlaku di tengah-tengah masyarakat merupakan faktor utama — berbanding faktor-faktor yang lain — membentuknya menjadi pemikir besar. Hal ini telah disebutnya di dalam salah satu bukunya: “Aku bukanlah seorang penulis yang hanya mengkaji sesuatu lalu menulisnya untuk disebarakan kepada manusia, tetapi aku sendiri turut merasakan realiti yang dirasakan masyarakatku, lalu aku tergerak untuk mengkaji dan menyampaikannya kepada manusia.”⁶²

Apabila faktor-faktor pertumbuhan Malek Bennabi banyak dipengaruhi pendidikan dan pelajaran, juga realiti masyarakat yang memprihatinkan — sama ada bentuk peninggalan yang negatif atau angkara penjahatan — mendorong dan menyebabkannya memberi tumpuan utama dalam soal-soal yang berkaitan dengan pembaharuan dan perubahan sosial, maka ada faktor kedua yang menjadikan kesan dasar itu lebih bermakna yakni percampurannya dengan masyarakat dan peradaban Perancis.

Perancis dan Pengaruh Peradaban Barat

Ketika Malek Bennabi tinggal di Perancis itulah periode yang diakuinya sendiri turut mempengaruhi perkembangan intelek dan jiwanya. Dia memang tertarik dengan sebahagian peradaban Barat, yang dapat disebut melalui beberapa penglibatannya di sana:

Kemasyarakatan (keterlibatannya di yayasan Pemuda Kristian Paris). Yayasan ini bergiat cergas dalam hal-ehwal pemuda seperti latihan bekerja jauh dari keluarga. Ia menyediakan hal-hal yang amat perlu dalam hidup bermasyarakat: kebudayaan, kesenian, riadah, keagamaan hinggalah peruntukan makanan.

Penglibatan Malek Bennabi dalam Yayasan ini memberi banyak pengaruh dan kesedaran baginya tentang hal-hal yang penting berkaitan dengan kemasyarakatan. Hubungan dengan ahli-ahli kesatuan ini memberikan kefahaman tentang nilai-nilai keterlibatan, dinamisme, kerajinan, tolong-menolong dan disiplin. Tentang ini Malek Bennabi pernah menyebut: “Sesungguhnya angin yang membawa aku — pada bulan September 1930 dan belum pernah saya alami sebelum itu — kepada pengertian yang mendalam tentang kemasyarakatan. Ia lebih bernilai daripada segulung ijazah yang saya peroleh daripada universiti tempatku belajar, kerana ia telah menghantarku kepada kesempurnaan jiwa. Di sanalah jiwaku terbuka terhadap semua persoalan yang aku geluti dalam hidupku hingga saat ini.”⁶³

Malek Bennabi menemui kesedaran yang istimewa apabila dia masuk ke dalam kesatuan ini kerana di situ dia menemui orang Eropah yang masih memiliki dimensi kejiwaan dan peradaban yang luhur, berlainan sekali dengan orang Eropah yang ditemuinya di lingkungan yang lain. Atau seperti yang disebutnya: “Penglibatanku di dalam kesatuan itu membuka hatiku ke dalam dimensi kejiwaan yang belum pernah kurasakan sebelumnya di lingkungan penjajahan, seolah-olah seorang kapten kapal laut berangkat dari Marseille menuju Algeria tanpa kelengkapan.”⁶⁴

Pendek kata, nilai-nilai keterlibatan dalam masyarakat yang dialaminya ketika mengikuti kegiatan-kegiatan Yayasan Pemuda Kristian telah memberi inspirasi tentang betapa pentingnya mendidik semula manusia dan masyarakat yang kemudian memang dia mulai dengan masyarakat Algeria atau masyarakat yang terkebelakang kerana sudah lenyap atau lemah hubungan kemasyarakatan di dalamnya.

Usaha yang dilakukannya untuk mempertemukan pelajar-pelajar Afrika Utara dengan anggota Yayasan Kristian tersebut adalah seperti yang telah dijelaskannya: “Supaya bangsaku memperoleh pelajaran tentang banyak perkara yang pada ketika itu aku tidak dapat memberi namanya, namun sekarang aku namakan ‘pelajaran keterlibatan’.”⁶⁵

Gagasan “keterlibatan” yang jelas ada dalam pemikirannya dalam bidang kemasyarakatan dan pendidikan adalah amalan yang dilaluinya ketika dia berada dalam persatuan tersebut.

Sains dan Teknologi. Perubahan tempat tinggal Malek Bennabi dari masyarakat yang masih jauh tertinggal dalam sains dan teknologi kepada masyarakat yang sudah maju sains dan teknologinya mendorongnya untuk meneliti dan membuat perbandingan keadaan kedua-dua masyarakat tersebut.

Berdasarkan penelitian dan perbandingannya, dia mendapati kemajuan sains dan teknologi dalam masyarakat Perancis bermula dengan kanak-kanak, yang mainan mereka diberi mainan yang bermesin oleh ibu bapa mereka dan membiarkan anak itu merosak dan membongkarkannya.

Jadi, sejak kecil lagi kanak-kanak di Perancis telah terbiasa dengan mainan yang bermesin kerana hadiah pertama yang diberikan keluarganya kepada anak-anak mereka ialah mainan yang bermesin.⁶⁶ Dan memang pada umumnya lelaki Perancis menganggap diri mereka memiliki ilmu teknik. Sebaik sahaja lelaki Perancis tamat dari bangku sekolah atau pulang dari tempat kerja ke rumah menurut pengamatan Malek Bennabi mereka menjadi tukang besi atau mekanik elektrik.

Sementara kaum lelaki di kampung-kampung Algeria pada umumnya tidak mempunyai alat pertukangan meskipun sekadar untuk memperbaiki rumah mereka sendiri; sementara yang tinggal di bandar menghabiskan masa bermain domino atau bermain terup.

Perbandingan antara dua keadaan ini terus-menerus “mengganggu” dan akhirnya memaksa Malek Bennabi mengambil kesimpulan tentang peri pentingnya usaha pembangunan sains dan teknologi yang bermula dari pendidikan memajukan masyarakat dan memasukkan unsur sains dan teknologi sebahagian dari kandungan pendidikan perubahan budaya.

Kemajuan sains dan teknologi dalam masyarakat Perancis juga menjadi pendorong baginya secara peribadi untuk lebih berjaya dalam dua bidang ini dan untuk itu dia sibuk mempraktikkan alat-alat dalam pelbagai mesin lebih daripada bidang kajiannya, kerana menurutnya ini merupakan gambaran suatu masyarakat sebagaimana dia katakan: “Alat-alat yang saya mainkan selalu bukanlah semata-mata mainan, tetapi lebih merupakan indikasi yang menunjukkan taraf kemajuan suatu masyarakat.”⁶⁷

Usahnya secara peribadi di bidang ini bukanlah untuk kepentingan dirinya sendiri, tetapi untuk mempersiapkan diri ke arah usaha perubahan yang lebih menyeluruh sekali gus mengambil bahagian secara aktif untuk melenyapkan perpecahan dalam kalangan masyarakat yang mundur dan lain-lain, sebagaimana dia berkata: “Aku merasa bertanggungjawab atas setiap kelemahan dan ketidakmampuan masyarakat yang berusaha melepaskan diri daripada kehinaannya.”⁶⁸

Faktor kemasyarakatan juga mengambil tempat sebagai alat pendidikan yang tersendiri dan dia semakin kuat mendorong Malek Bennabi untuk meminati teknologi lebih-lebih lagi setelah menonton siri Paderi Faureau⁶⁹ yang saintifik dan amat popular bertajuk “Anda Perlu Faham” menerusi TV. Menurut Malek Bennabi, Paderi Faureau ini “telah membuka alam baru bagiku, alam yang kepadanya tunduk tiap-tiap alat pengukur yang paling teliti tentang ‘berapa’ dan ‘bagaimana’ sesuatu; individu akan tumbuh dan berkembang di dalamnya dengan ketepatan dan ketelitian. Dan dengan cara ini aku juga memasuki peradaban Barat dari sudut yang lain.”⁷⁰

Hal itu ditambah lagi dengan kunjungan-kunjungannya ke Muzium Teknik dan Kesenian di Paris, menambah kuat minatnya dalam bidang teknologi yang dimiliki peradaban Barat hingga lahir pandangan baru bahawa “muzium bukan semata-mata tempat benda-benda yang aneh dan asing hasil ilmu dan teknik, tetapi lebih merupakan anugerah suci yang diberi oleh peradaban manusia moden hasil kegemilangan pencapaian sains dan teknologinya.”⁷¹

Melalui keterangan di atas kita mengetahui bahawa minatnya kepada teknologi Barat bukan hanya dari segi seni dan kegunaannya, tetapi juga memberi kesan kepada pemikirannya tentang kemasyarakatan dan pendidikan.

Melalui keindahan estetika yang banyak diperoleh daripada isterinya yang berbangsa Perancis, juga dari suasana dan persekitaran kehidupan di Kota Paris sendiri. Kehidupan di Kota Paris yang teratur, tertib dan penuh dengan nilai estetika yang tergambar dalam tingkah laku manusia serta urusan kehidupan telah memainkan peranan yang besar bagi menumbuhkan imaginasi dan daya estetika Malek Bennabi.

Pergaulan secara langsung dengan isterinya yang berbangsa Perancis mempunyai daya tarikan yang tersendiri, bermula dari faktor kebersihan, ketelitian, kerapian dan kemahiran kerja tangan yang dimiliki isterinya, Khadijah. Bahkan tatatertib dan pergaulannya sehari-sehari mempunyai unsur keindahan pada penilaian Malek Bennabi. Kesemua itu dia jelaskan dengan kata-katanya: "Isteriku menunjukkan kehalusan jiwa yang kemudian menjadikan aku tidak suka kepada orang yang meremehkan unsur keindahan, kerana ini termasuk faktor yang merupakan bukit ketinggalan kita selama ini hingga menjadi sasaran penghinaan oleh bangsa lain. Meskipun sikap ini merupakan bahagian dari peribadiku sejak awal, tetapi pergaulan dengan isteriku di Perancis telah meningkatkan lagi sikap tersebut sehingga terjelma menjadi gagasan yang jelas tentang kemasyarakatan."⁷²

Gabungan antara unsur estetika dengan idea pendidikan yang telah berputik berkat teladan yang diberi oleh Bin Badis yang sentiasa mendidik penduduk bandar Tabissah sehingga menjadi pejuang kemasyarakatan dan kebangsaan adalah sistem yang menurut Malek Bennabi dapat digabungkan menjadi paduan antara nilai-nilai kerja, saintifik dan estetika.

Boleh dikatakan bahawa pertumbuhan nilai-nilai moral dan agama yang diperolehi Malek Bennabi melalui keluarga, lingkungan dan pendidikan Islamnya bergabung dengan pengaruh estetika, teknologi serta sistem kerja yang diperolehinya dari masyarakat Perancis kemudian terbentuk menjadi gagasan utamanya, iaitu "masalah masyarakat yang terbelakang adalah masalah membina peradabannya; membina peradaban tidak sempurna tanpa lebih dahulu membina pendidikan. Membina pendidikan adalah kemestian, lebih-lebih lagi dalam masyarakat yang hidup dalam keadaan tidak berperadaban dan tidak berpendidikan."

Faktor Penjajahan dan Gejala Serangan Pemikiran

Kewujudan penjajah Perancis di bumi Algeria memberi kesan yang tidak sedikit ke dalam jiwa dan pemikiran Malek Bennabi, sama ada dalam bidang kemasyarakatan, politik, ekonomi atau pendidikan. Sejak kecil dia mendengar dan menyaksikan pengusiran kaum keluarganya dari kota dan kampung mereka. Adakah kerana tekanan penjajahan atau kerana keengganan mereka menerima kehadiran penjajah di tempat mereka?

Demikian juga berlakunya perubahan-perubahan yang menakutkan dan tindakan-tindakan yang menyakitkan yang berterusan dilakukan penjajah Perancis ke atas bangsa Algeria; semua itu turut dirasakan Malek Bennabi, termasuk gejala meluasnya kemiskinan, kebodohan dan penyakit.

Sementara di bidang yang lain, dia dapat melihat merebaknya minuman keras, hancurnya keseimbangan antara kemasyarakatan dan ekonomi, berlakunya diskriminasi antara pendatang Eropah dengan rakyat tempatan dan perkara-perkara negatif yang lain.

Menyaksikan semua itu menambah kesedaran Malek Bennabi, ditambah pula dia terus mengikuti setiap perkembangan yang berlaku dengan membaca akhbar al-Insaniyyah atau “L’humanite” kepunyaan parti Komunis yang sedikit sebanyak dapat mengubati kepedihan — yang menurut Malek Bennabi— “yang kutanggung dan kemudian kuanggap sebagai ‘peraturan pola penjajahan’.”

Selain itu, ia juga membaca beberapa akhbar al-Rayah ‘Etendard’ dan al-Iqdam ‘L’ikdam’ yang memberi pengertian kepadanya mengenai, “dasar-dasar politik dan kemasyarakatan yang penting tentang tanah, petani dan hak-hak mereka yang dicabuli.”⁷³

Disebabkan membaca beberapa akhbar maka pemikirannya sedikit sebanyak turut dipengaruhi pembacaannya itu. Sementara sikap penentangannya terhadap penjajah bermula dan lebih menonjol ketika dia bersama rakan-rakannya terlibat dalam revolusi al-Rayf, keaktifannya menulis dan penyertaannya dalam kelab-kelab yang menentang kewujudan penjajah di Algeria.

Dasar politik penjajah yang berbentuk paksaan, penguasaan dan penghinaan yang terancang telah menumbuhkan sikap yang jelas dan tegas dalam perjuangan Malek Bennabi. Dia tahu pelaksanaan dasar politik yang keji ini akan mengubah sahara Algeria menjadi medan jihad, yang menggunakan pelbagai cara, material dan moral, lebih- lebih lagi apabila dasar politik tersebut telah merugikan dirinya secara langsung.

Malek Bennabi telah menjadi mangsa dasar politik penjajah yang amat tidak adil itu; misalnya ketika dia tamat sekolah menengah dia mendapati peluang untuk menjadi pekerja “menurap” jalan pun sukar; kerana bidang ini dikuasai sepenuhnya oleh penjajah Perancis. Begitu juga tentang penolakan terhadap permohonannya untuk mengikuti kuliah perundangan di Kolej Pengajian Timur dinilainya bukan berdasarkan rendahnya tingkat pencapaian akademiknya tetapi lebih merupakan faktor politik.

Dasar politik yang sama berulang lagi, apabila dia tamat dari pengajian kejuruteraan pada tahun 1936. Kemudian dia mengajukan permohonan kepada Kementerian Pendidikan Perancis yang sewenang-wenangnya menubuhkan Kolej di Qasantinah supaya diberi tempat bagi pelajar Algeria yang berminat mengambil pengajian kejuruteraan. Permohonan tersebut jangkakan diterima, dijawab pun tidak. Di samping itu semua, dia juga menyedari bahawa pihak penjajah berusaha menanamkan suatu sikap ke dalam jiwa orang jajahnya bahawa mereka tidak layak melakukan sesuatu yang bermakna dan tidak patut menerima gaji yang lumayan.

“Keadaan tersebut berterusan hinggalah aku”, menurut Malek Bennabi, “setelah suku abad lamanya selepas itu menyimpulkan sebagaimana kutulis di dalam buku *Syurut al-Nahdah* dengan sebuah ungkapan ‘ia hidup seolah-olah lembaga yang adakalanya dapat dilihat, menyamarkan arah perjalanan dan terus berusaha merenggangkan hubungan usaha dari matlamatnya agar tidak dapat dicapai untuk selama-lamanya.’”⁷⁴

Oleh itu, Malek Bennabi mulai menulis tentang wujudnya serangan fizikal dan pemikiran yang kemudian dikumpulkan di dalam bukunya yang bertajuk *al-Shira’ al-Fikriy fi Bilad al-Musta’mirah* dan buku-bukunya yang lain.

Pengalaman berhadapan dengan penjajah ini menjadi faktor yang terpenting bagi pembentukan peribadinya, yang menyebabkan semakin hari bertambah subur perasaan bencinya kepada penjajah. Dan ini menumbuhkan sikap berhati-hati dan waspada, sama ada dalam hidupnya secara umum ataupun secara khusus.

Sesungguhnya perasaan Malek Bennabi terhadap penjajah dan terhadap anak jajahan merupakan pendorong yang jelas bagi kegiatannya dalam pemikiran. Ketika tinggal di Paris pun dia masih terus menyimpan perasaan ini sambil mengkaji sejarah peradaban Barat dan meneliti akar-akarnya. Dari kajian itu dia menemui satu hakikat bahawa era industrialisasi — yang merupakan bahagian penting dan tidak terpisah dari peradaban ini — apabila dikaitkan dengan kemanusiaan, dalam konteks kuantiti bukan kualiti jelas menunjukkan tindakan penjajah merupakan “virus” ganas yang merosak perjalanan kemanusiaan sama ada dalam bidang politik, ketenteraan, pemikiran serta pendidikan.⁷⁵

Malek Bennabi hidup dalam pelbagai peristiwa, sama ada ketika di Algeria atau semasa di Paris. Peristiwa itu telah menjadi kajiannya, terutama tentang reaksi kemasyarakatan dan politik serta reaksi gerakan kebangsaan terhadap penjajahan.

Sejauh pengkajian Malek Bennabi tidak ditemukan dalam kalangan rakyat atau gerakan kemerdekaan sebarang sikap menerima kehadiran penjajah atau rela menjadi bangsa yang dijajah. Pemikiran ini semakin mendalam di benaknya setelah mengikuti tulisan-tulisan Franz tentang masalah ini, menambah keyakinannya tentang peri pentingnya membina keperibadian manusia dengan pendidikan untuk menghadapi sebarang serangan dan selanjutnya untuk mengubah individu dan masyarakat. Selain itu, dia merasa perlu meneliti penjajah dari sudut peradaban, tidak hanya dari sudut politik.

Percanggahan Malek Bennabi dengan pihak Liberalis — termasuk penyokong gagasan negara Federasi dan Mushali Haj — sangat seru, kerana dia mengkritik pendekatan mereka dalam politik yang menurutnya hanya menekankan tentang “politik” semata-mata, perhatian mereka tertumpu lebih banyak pada bidang luaran daripada mendidik bangsa dan mempersiapkan faktor manusianya.⁷⁶

Menurut Malek Bennabi, politik adalah alat untuk membuat perubahan yang bersesuaian dengan keadaan manusia dan period peradaban suatu masyarakat, kerana masalah politik adalah akibat langsung dari posisi suatu peradaban.⁷⁷ Dan yang penting dalam kegiatan politik adalah keseimbangan yang dapat kita ketahui melalui ilmu kemasyarakatan dan jika tidak demikian maka tindakan kita tidak lebih daripada angan-angan kosong atau mimpi di siang hari.

Juga dengan alasan yang serupa, Malek Bennabi tidak setuju kehadiran Bin Badis dan kumpulannya sebagai peserta di Mukhtar Islam yang berlangsung di Paris pada tahun 1936 atas nama pemerintah untuk menyuarakan aspirasi rakyat Algeria. Lebih-lebih lagi kerana pihak pembaharu tersebut berada di bawah pimpinan utusan Liberalis dan Marxis dan mereka bersedia pula menyuarakan tuntutan yang bersifat jangka pendek. Dengan kata lain, mereka telah menukar tuntutan pembebasan yang mencukupi kemasyarakatan, pendidikan dan peradaban menjadi hanya sekadar tuntutan yang bersifat politik yang sama sekali tidak menyentuh soal asas.⁷⁸

Secara peribadi, Malek Bennabi telah mengambil sikap yang tegas terhadap pemimpin baharu, Syeikh Abdul Hamid Bin Badis dan pengikutnya ketika mereka bertemu di Grand Hotel. Sikap tersebut jelas mengisyaratkan bahawa kebanyakan ulama tidak mampu memahami yang demikian kerana mereka tidak mempunyai taraf intelektual yang mencukupi. Oleh itu, mereka telah menyerahkan amanah kepada orang yang mengeksploitasi keadaan tersebut sebagai tangga untuk naik dalam jenjang politik.⁷⁹

Menurut penelitian dan kajian selanjutnya, kegagalan gerakan politik dalam kaitannya dengan usaha perubahan, di samping kenyataan dan realiti yang jelas tentang kealpaan mereka menghubungkan politik dengan akhlak dan politik dengan period peradaban, telah menambah keyakinan betapa pentingnya lebih dahulu mendidik rakyat dan mempersiapkan faktor manusia ke arah perubahan. Malek Bennabi pernah berkata: “[Pandanganku tentang politik berpijak pada prinsip yang tidak berubah-ubah, bahkan semakin kuyakini setiap hari bahawa tidak akan tegak sistem kemasyarakatan melainkan di atas asas akhlak.](#)”⁸⁰

Timbulnya kesedaran yang jitu tentang falsafah dan seni serangan pemikiran yang dimainkan penjajah, mendorongnya melihat pelbagai gejala pemikiran, kemasyarakatan dan politik dengan pandangan yang syak serta ragu. Sebagai contoh, penonjolan beberapa individu dalam pelbagai kejadian secara tiba-tiba sedangkan orang tersebut tidak mempunyai kekuatan dalam pemikiran atau tidak mempunyai aspirasi yang sama dengan rakyat adalah “boneka” buatan penjajah untuk menghalang perjuangan ke arah perubahan yang sebenar.

Usaha keras dan pengkajian yang sungguh-sungguh tentang dasar pemikiran penjajah di Algeria telah menghasilkan kesedaran pada diri Malek Bennabi yang sering kali bertentangan dengan kesedaran orang lain. Kesatuan Pelajar Algeria, misalnya, menilai buku Malek Bennabi Syurut al-Nahdah sebagai merugikan perjuangan rakyat maka buku tersebut mereka persendakan. Dan pada tahun yang sama (1954), hal yang serupa telah dilakukan kesatuan ulama terhadap buku Wjihah al-'Alam al-Islamiy.

Ia juga tidak sefahaman dengan Bin Badis dalam satu period, begitu juga dengan penduduk Arab Tabissah dalam beberapa period yang berikutnya. Bahkan pertentangan yang sering berlaku dengan golongan Liberalis dan kaum Marxis, sebagaimana hal yang sama berlaku dengan pihak pemerintah-sementara sehingga zaman dua presiden yang memerintah selepas itu, iaitu Presiden Bin Bela dan Presiden Bomedin (dia telah meletak jawatannya dari kerajaan pada zaman pemerintahan presiden yang disebutkan terakhir ini).

Semua itu menyebabkannya terasing dan tersendiri dalam arus pemikiran dan politik, bahkan hubungannya dengan Kesatuan Ulama — golongan yang paling dekat dengan pemikirannya dan sebenarnya dia sama dengan mereka — tidak sampai ke peringkat dia menjadi anggotanya. Hal ini dia sebutkan: “Kesatuan Ulama ini tidak pernah menerimaku bekerjasama dengan mereka walaupun aku telah mengajukan permohonan untuk tujuan.”⁸¹ Itulah sebahagian daripada keadaan getir dalam pertentangan pemikiran yang telah dilalui Malek Bennabi.

Walaupun kita telah mengetahui keterasingan atau kesendirian Malek Bennabi dalam beberapa hal dan pendiriannya, maka sepatutnya kita harus meyakini bahawa keterasingan seperti ini tidak semestinya bererti hubungannya dengan masyarakat sekitarnya cetek atau lemah. Kerana meskipun dia terasing dalam pemikiran dan kejiwaan dari arus pemikiran majoriti, namun dia terus berusaha keras mencari dan mengkaji jalan-jalan alternatif yang dapat digunakan untuk membina masyarakat.⁸²

Akibat gejala-gejala negatif yang ditimbulkan penjajah, kekacauan gerakan politik kerana lemahnya gagasan serta pendekatannya tentang perubahan, telah memperteguhkan keyakinan Malek Bennabi tentang peri pentingnya menjadikan pendidikan kemasyarakatan sebagai satu-satunya asas dalam usaha perubahan dan pembinaan yang dicita-citakan. Keyakinan ini telah sehati dengan dirinya, tanpa ragu atau goyah.



Faktor Pendidikan

Maksud faktor pendidikan dalam konteks ini ialah sumber-sumber pengetahuan, pembelajaran dan sains yang telah menjadi medan dan kesibukan Malek Bennabi dalam hidupnya.

Waktu kecil dia belajar al-Quran dan memasuki sekolah aliran Perancis di samping berguru dengan guru-guru berbangsa Arab di masjid-masjid dan mengikuti halaqah-halaqah tertentu. Pendidikan awalnya dalam budaya Arab dan Islam telah banyak membantunya untuk menyambut idea dan gagasan yang diutarakan rakannya, Muhammad bin al-Sa'iy yang telah mendalami pendidikan Islam, terutama dalam kemampuan untuk menunjukkan relevansi ayat-ayat al-Quran.

Selain itu, faktor-faktor tersebut juga telah diperkuat dengan persekitaran tempat tinggalnya di kota Tabissah dan Perpustakaan al-Najah yang penuh dengan buku dan bahan-bahan bercetak berbahasa Arab untuk membentuk dan mempersiapkan dirinya ke arah tersebut, lebih-lebih lagi di kota ini dan beberapa kota di Algeria masih besar fungsi masjid dan akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh Kesatuan Ulama.

Pembacaannya yang luas telah memberi pemahaman yang jitu, terutama setelah membaca buku al-Fasyil al-Aklatiy li al-Siyasah al-Gharbiyah fi al-Syarq karangan Ahmad Reda, Risalah al-Tawhid karangan Muhammad Abduh, yang kedua-dua buku itu telah banyak mempengaruhi pemikiran dan gagasan, bahkan mengakui bahawa dia banyak “berhutang budi kepada kedua-duanya kerana berjaya membentuk pemikirannya sejak periode tersebut.”⁸³ Di samping buku Ummu al-Qura karangan al-Kawakibi yang juga sudah dibacanya. Buku-buku tersebut telah menumbuhkan kesedaran dan perasaannya sebagai orang Arab, juga menjadi santapan fikirannya dalam bidang peradaban Islam di samping melahirkan kesedaran tentang realiti masyarakat secara umum.

Adapun sekolah aliran Perancis telah mendorongnya rajin belajar dan mengulangkaji melalui galakan guru-gurunya dan di sekolah itulah dia mengenali ajaran atau falsafah Descartes yang banyak menolongnya meskipun dia tidak dapat menerima pendekatannya sesudah itu.

Pendidikan yang diperoleh Malek Bennabi membolehkannya membaca dan memahami kandungan pelbagai akhbar sejak dia masih di bangku sekolah lagi. Membaca pelbagai akhbar dan majalah turut menumbuhkan kesedarannya tentang pelbagai gejala kemunduran dan penindasan sekali gus membuat kesimpulan perlunya perubahan.

Akhbar milik kaum pembaharu, al-Syihab contohnya, telah banyak mengajarnya nilai-nilai akhlak; akhbar al-Insaniyah pula yang dimiliki kaum Komunis yang mengecam penjajah telah mengajarnya tentang tabiat penjajah yang sistematik; sementara akhbar al-Iqdam dan al-Rayah (L'ikdam dan Etendard) telah mengajarnya pemikiran politik yang penting dan halus yang melaluinya dia dapat memahami penderitaan yang ditanggung kaum petani Algeria⁸⁴ dan masyarakat secara umum. Sedangkan melalui pembacaan akhbar al-Nidal al-Ijtima'iy (Lalutte Social) dan al-'Ashr al-Jadid telah mendorongnya untuk mempersoalkan dasar politik dan kemasyarakatan yang kemudian lebih jelas apabila dia melakukan renungan dan perbandingan dalam soal realiti dan gejala-gejala negatif dan seterusnya menumpukan sepenuh perhatian dalam bidang politik dan pembaharuan.

Di samping faktor pendidikan yang terdahulu, kita mesti juga mengambil kira beberapa buku dari penulis Barat yang turut membentuk sikap dan pandangan Malek Bennabi tentang kemasyarakatan dan dasar-dasar pemikiran. Boleh kita masukkan di antaranya buku yang bertajuk Tarikh al-Insaniyah al-Ijtima'iy yang ditulis orientalis juga mempengaruhi pemikirannya, yang membahas tentang Islam dan peradabannya.

Selain itu, buku Fi Zilal al-Islam al-Dafi'ah yang ditulis oleh Issebel Eberhardts, al-Islam Bayna al-Hut wa al-Dubb oleh Eugen Jung yang diterjemahkan Sylvester Duslan, Muqaddimah oleh Ibnu Khaldun serta buku-buku yang lain sebagaimana telah disebutkannya: ["Aku telah mengetahui kegemilangan peradaban Islam ketika aku berumur antara 15 hingga 20 tahun menerusi terjemahan Muqaddimah Ibnu Khaldun dan dalam tulisan Dozy tentang buku tersebut dan aku telah dapat memahami semua itu dengan sempurna ketika aku mulai melakukan kajian-kajianku."](#)⁸⁵

Pembacaan karya Ibnu Khaldun telah memberi kesan yang jelas dalam teorinya tentang peradaban dan boleh dikatakan dasar pemikirannya dalam teori peradaban sebagai perluasan dari pemikiran Ibnu Khaldun.

Dan ketika berada di Paris, Malek Bennabi telah memanfaatkannya untuk memperdalam serta memperluas ilmunya melalui bahan bacaan istimewa buku Balza yang banyak membicarakan tentang masyarakat Perancis yang turut menyaksikan zaman permulaan industrialisasi selepas Napoleon yang dapat disimpulkannya melalui jenjang evolusi sejarah peradabannya. Hal itu telah mendorongnya untuk membuat perbandingan antara masyarakat maju dengan yang masih mundur dan pengkajian tersebut dia berkata: ["Pengkajian, penelitian dan perbandingan yang aku buat ini ternyata telah menjadi penyebab utama bagi pertumbuhan pemikiranku dalam bidang kemasyarakatan."](#)⁸⁶

Kita tidak lupa menyebut pengaruh lain yang datang dari timur, antara lain seperti pengaruh pemikiran Gandhi dan penyair India yang terkenal, Rabindranath Tagore: kedua-dua orang ini telah memikat hatinya dalam banyak segi, khususnya tentang pandangan mereka mengenai kemasyarakatan dan kemanusiaan. Contohnya, kata-kata Tagore yang berikut ini amat berkesan di hatinya: “Kecerdikan bukan lahir di lembah Seine dan Thames sahaja tetapi ia juga lahir di Lembah Gangga.” Malek Bennabi berkata: “Ungkapan Tagore itu membebaskan aku dari perhambaan yang amat pedih yang pada umumnya ada dalam jiwa para terpelajar Arab apabila berhadapan dengan kecerdikan Eropah serta budayanya.”⁸⁷

Dari segi yang lain, semasa di Paris itu Malek Bennabi berkenalan dengan seorang lelaki Perancis beragama Islam bernama Almesio Searell Aneklitou. Melalui orang ini dia memperoleh keyakinan tentang teorinya dalam bidang kemasyarakatan dan kaitannya dengan realiti kaum Muslimin termasuk masalah-masalah peradaban. Tentang ini, Malek Bennabi berkata: “Aku banyak terhutang budi kepadanya kerana ilmu yang ku dapat daripadanya melalui pertukaran fikiran kami atau melalui perpustakaan Islamnya membolehkan aku membaca lebih banyak buku yang memperdalam analisisku tentang persoalan-persoalan ini.”⁸⁸

Sedangkan berdampingan dengan Hamudah bin al-Sa’iy — penuntut yang sedang menyiapkan tesis tentang al-Ghazali di Universiti Sorbone — juga banyak membantu perkembangan Malek Bennabi. Malah, perbualannya dengan Hamudah ini boleh dianggap penyebab bertambah minatnya untuk membuat kajian tentang masalah keislaman. Perkara ini diakui oleh Malek Bennabi sendiri melalui kata-katanya: “Aku terhutang budi kepada Hamudah bin al- Sa’iy yang mendorong aku menjadi penulis khusus tentang masalah Dunia Islam.”⁸⁹

Pemikiran Malek Bennabi di bidang kemasyarakatan dan pendidikan tidak terlepas dari pengaruh beberapa ahli falsafah dan pemikir Barat, misalnya Nietzsche, Kant dan John Dwey. Malek Bennabi telah membaca buku ahli falsafah Jerman, Nietzsche yang bertajuk *Hakaza Takallama Zraradac*.

Malek Bennabi telah banyak mengkaji pemikiran ahli falsafah Jerman itu⁹⁰ dan boleh jadi, buku tersebut banyak mempengaruhinya dalam aspek moral selain pembacaannya dalam buku-buku Islam dan pembaharuan. Manakala ahli falsafah Kant mungkin banyak mempengaruhinya dalam pemikiran tentang “wajib” dan “hak” yang dapat dikesan dalam pemikirannya dalam bidang kemasyarakatan dan pendidikan.

Mendahulukan yang wajib daripada hak telah menjadi suatu kemestian dalam pendidikan, menurut Malek Bennabi. Ia adalah asas bagi setiap perubahan sosial, politik dan ekonomi. Ini semakin mantap dalam pemikirannya yang dapat dilihat dalam semua tulisannya. Dan John Dwey pula telah mempengaruhi pemikiran Malek Bennabi dari segi pragmatismenya yang banyak dilihat dalam beberapa segi pemikirannya. Tentang John Dwey, dia berkata: "John Dwey telah menyingkap banyak bidang kepadaku."⁹¹

Adapun bidang sains, teknologi dan budaya juga banyak mempengaruhi pemikirannya di bidang kemasyarakatan dan pendidikan, bahkan di bidang pendekatannya juga. Ini sebenarnya telah berputik dalam dirinya sebaik saja berkenalan dengan Descartes dan sains di Sekolah Menengah Perancis di Algeria.

Sesudah tinggal di Paris dan lebih-lebih lagi setelah mengikuti siri televisyen, Paderi Moruou Litafham yang saintifik itu sebenarnya telah meletakkan suatu asas yang bukan dalam bidang pengetahuan ilmiah sahaja tetapi juga meliputi pembentukan pemikiran dan pendekatannya secara lebih luas. Tentang ini, dia berkata: "Ia tidak hanya mempersiapkan diriku untuk memasuki sekolah "al-Lasulukiy" bahkan telah mengubah arah pemikiranku secara mendasari, kerana di dalam diriku telah bertapak pengaruh pelbagai ilmu. Paderi Moruou bukan sahaja telah membuka mazhab tertentu tetapi lebih daripada itu dia telah membuka dunia baru yang di dalamnya semua tunduk kepada timbangan kuantiti yang halus dan menjadikan seseorang memiliki unsur ketetapan serta ketelitian."⁹²

Dan komposisi ini bertambah tegap dan kuat dalam bidangnya sebagai seorang jurutera yang memerlukan hal seperti ini.

Dasar pendidikannya dalam kejuruteraan memberi kesan dalam pemikiran saintifiknya, termasuk bentuk pendekatan yang digunakan. Dari itu pengkaji pemikiran Malek Bennabi akan menemui banyak unsur saintifik dalam pemikirannya seperti penggunaan istilah-istilah matematik ketika menyampaikan masalah pemikiran dan kemasyarakatan. Bentuk ini masih boleh dianggap baru dalam bidang pemikiran dalam kalangan pembaca Arab.

Oleh itu, Dr Abdul Aziz al-Khalidiy, berkata tentang Malek Bennabi ketika membuat muqadimah salah satu bukunya: "Sebagai seorang jurutera, penulis mempunyai kelebihan menggambarkan sesuatu dengan indah (berseni); tetapi pendidikannya yang berganda menyebabkan penulis dapat menghubungkan gambaran tersebut dengan prinsip kemanusiaan."⁹³

Malek Bennabi sendiri pula pernah berkata: “Aku telah banyak ditolong dalam hal-hal yang nampaknya kecil dan kurang berharga.”⁹⁴

Pendek kata, pengaruh pendidikan yang pelbagai telah membentuk pemikirannya dalam soal keagamaan, akhlak, kemasyarakatan dan pendidikan, kemudian dia padukan dengan pragmatisme John Dwey, tulisan-tulisan Nietzsche dan Kant serta sejumlah orientalis, ahli falsafah dan pemikir Barat.

Di samping itu, pengaruh daripada sesetengah penulis Marxisme yang mempunyai unsur seni bergabung dalam dirinya yang kemudian melahirkan satu gagasan penting tentang perubahan dan membina peradaban yang bentuk dan pendekatannya berlainan dari orang lain, para pemikir Arab dan pemikir Islam.

Muhammad al-Mubarak menyifatkan tulisan-tulisan Malek Bennabi seperti dipetik dari kata-katanya: “Tidak anda temui dalam semua karyanya persamaan dengan buku-buku timur di negara Arab.”⁹⁵



NOTA HUJUNG

¹ Turkiy Rabih 'Amamirah, al-Imam Abdul Hamid Bin Badis: Falsafatuha wa Juhuduhu fi al-Tarbiyah wa al-Ta'lim (1889-1940), tesis sarjana kuliah Tarbiyah, Universiti 'Ain Syams, 1970, hal 73.

² Ibid, hal. 543.

³ Henry Clude, al-Isti'mar al-Faransiy fi al-Maghrib al-'Arabi, terj. Muhammad 'Itaniy, Mikhtarat min Siyasa al-'Alamiyah (4), terbitan Maktabah al-Ma'arif Beirut, tanpa tarikh, hal. 88-110, 126-127 dan 119.

⁴ Tempat yang sama.

⁵ Tempat yang sama.

⁶ Ibid, hal. 119-128.

⁷ Turkiy Rabih 'Amamirah, al-Imam 'Abdul Hamid Bin Badis, rujukan yang lalu, hal. 7 dan 2.

⁸ Tempat yang sama.

⁹ Ibid hal 114-132.

¹⁰ Abdul Muluk Martad, Nahdah al-Adab al-'Arabi al-Mu'ashir fi al- Jaza'ir, al-Syirkah al-Wataniyah li al-Nasyr wa al-Tawzi', Algeria, tanpa tarikh, hal. 23.

¹¹ Hendry Clude dan lain-lain, al-Isti'mar al-Faransiy fi al-Maghrib al- 'Arabi, rujukan yang terdahulu, hal. 177-118.

¹² Muhammad Taha al-Jabiriy, Jawanib min al-Hayat al'Aqliyah wa al- Adabiyah fi Al-Jaza'ir, Jami'ah al-Duwal al-'Arabiyyah, 1968, hal. 58.

¹³ Mahmud Qasim, al-Imam 'Abdul Hamid Bin Badis al-Za'im al-Ruhiy liHarb al-Tahriri al-Jaza'iriyah, Dar al-Ma'arif, Mesir, 1968, hal. 22.

¹⁴ Al-Habib al-Janahaniy, Min Qadaya al-Fikr, al-Syirkah al-Tunisiyah li al-Tawzi', 1973, Tunis, hal. 143.

¹⁵ Muhammad 'Ammarah, Muslimun Thuwwar, al-Mu'assasah al- 'Arabiyyah li al-Dirasat wa al-Nasyr, cet. II, 1974, hal. 249.

¹⁶ Nagnyd Qasim, al-Imam 'Abdul Hamid Bin Badis al-Za'im al-Ruhiy li Harb al-Tahriri al-Jaza'iriyah, rujukan terdahulu, hal. 8.

¹⁷ Ibid, hal. 9.

¹⁸ Uthman Sa'diy, Qadiyyah al-Ta'rib fi al-Jaza'ir, Dar al-Kitab al-'Arabiyy li al-Tiba'ah wa al-Nasyr, tanpa tarikh, hal. 18-19.

¹⁹ Ibid, hal. 38-50.

²⁰ Muhammad 'Awdah, al-Islam wa al-Isti'mar: al-Yasar al-Islamiy, Kitabat fi al-Nahdah al-Islamiyyah, juz I, 1981, hal. 153.

²¹ Abu al-Qasim Sa'dullah, al-Harakah al-Wataniyah al-Jaza'iriyah, Dar al-Adab, Beirut, 1969, hal. 266-267.

²² Uthman Sa'diy, Qadiyyah al-Ta'rib fi al-Jaza'ir, rujukan terdahulu, hal. 48-50.

²³ Henry Clude dan lain-lain, al-Isti'mar al-Faransiy fi al-Maghrib al- 'Arabi, rujukan terdahulu, hal. 138.

- ²⁴ Sholah al-'Aqqad, *Muhadarat 'an Tatawwur al-Siyasah al-Faransiyah fi al-Jaza'ir, Jami'ah al-Duwal al-'Arabiyah*, 1959, hal. 39.
- ²⁵ *Ibid*, hal. 148-149.
- ²⁶ Sholah al-'Aqqad, *Muhadarat 'an Tatawwur al-Siyasah al-Faransiyah fi al-Jaza'ir*, rujukan terdahulu, hal. 38.
- ²⁷ Abu al-Qasim Sa'dullah, *al-Harakah al-Wataniyah al-Jaza'iriyah*, rujukan terdahulu, hal. 154, 126 dan 218.
- ²⁸ *Ibid*, hal. 265 dan 269.
- ²⁹ *Ibid*, hal. 396-400.
- ³⁰ Henry Clude dan lain-lain, *al-Isti'mar al-Faransiy fi al-Maghrib al-'Arabi*, rujukan terdahulu, hal. 432-438.
- ³¹ *Ibid*, hal. 411.
- ³² Abu al-Qasim Sa'dullah, *al-Harakah al-Wataniyah al-Jaza'iriyah*, rujukan terdahulu, hal. 432-438.
- ³³ Abu al-Qasim Sa'dullah, *al-Imam 'Abdul Hamid Bin Badis*, rujukan terdahulu, hal. 41.
- ³⁴ Henry Clude dan lain-lain, *al-Isti'mar al-Faransiy fi al-Maghrib al-'Arabi*, rujukan terdahulu, hal. 148.
- ³⁵ *Ibid*, hal. 34.
- ³⁶ Muhammad 'Ammarah, *Muslimun Thuwwar*, rujukan terdahulu, hal. 264.
- ³⁷ *Ibid*, hal. 60-63 dan 150-1251.
- ³⁸ Malik Bin Nabi, *Muzakkirat Syahid al-Qarn*, juz I, terj. Al-Qanwani, cet. I, Beirut, 1969, hal. 103-104.
- ³⁹ Malik Bin Nabi, *Muzakkirat Syahid al-Qarn*, al-Talib, terj. penulis, cet. I, Dar al-Fikir, Damasyik, 1970, hal. 111 dan 30.
- ⁴⁰ *Ibid*, hal. 30.
- ⁴¹ *Ibid*, hal. 59.
- ⁴² *Ibid*, hal. 106.
- ⁴³ *Ibid*, hal. 219.
- ⁴⁴ *Ibid*, hal. 220.
- ⁴⁵ *Ibid*, hal. 219-220.
- ⁴⁶ *Ibid*, hal. 235-244.
- ⁴⁷ *Ibid*, hal. 256-258.
- ⁴⁸ *Ibid*, hal. 198.
- ⁴⁹ Anwar al-Jundi, *I-Fikir wa al-Thaqafah al-Mu'ashirah fi Syamal Afriqiya*, al-Dar al-Qawmiyah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr, Kaherah, 1965, hal. 67.
- ⁵⁰ Anwar al-Jundi, *A'lam al-Qarn al-Rabi 'Asyara al-Hijriy*, jilid I, A'lam al-Da'wah al al-Fikir, Maktabah al-Anglo al-Mishriyah, 1981, hal. 159.
- ⁵¹ Malik Bin Nabi, *Muzakkirat Syahid al-Qarn*, al-Talib, hal. 90.
- ⁵² Sesiapa mengikuti fikiran dan ucapan Ahmad Bin Bela pada tahun-tahun terakhir hidupnya akan mengetahui bahawa ia sudah lebih dahulu ditulis dan dipidatoken Malik Bin Nabi.

- ⁵³ Malik Bin Nabi, *Fi Mahib al-Ma'arakah, Irhashat al-Thawrah, Maktabah al-Mutanabbiy dan Dar al-Fikir*, cet. II, 1972, hal. 104-106.
- ⁵⁴ Ibrahim al-Ba'thiy, *Syakhshiyat Islamiyah Mu'ashirah*, juz II, Dar al-Sya'biy, Kaherah, tanpa tarikh, hal. 227.
- ⁵⁵ Anwar al-Jundi, *A'lam al-Qarn al-Rabi' 'Asyara al-Hijriy*, jilid I, *A'lam al-Da'wah wa al-Fikir*, hal. 144-145.
- ⁵⁶ 'Umar Masqawiy, Muqaddimah bagi buku Malik Bin Nabi *Dawr al-Muslim wa Risalatuhu fi 57 al-Thuluth al-Akhir min al-Qarn al-'Isyriy*, terbitan Nadwah Malik Bin Nabi, Dar al-Fikir, Damsyik, 1978, hal. 9.
- ⁵⁷ Malik Bin Nabi, *Muzakkirat Syahid al-Qarn*, juz I, rujukan terdahulu, hal. 11-12.
- ⁵⁸ *Ibid.*
- ⁵⁹ *Ibid.*, hal. 72 dan hal. 105-109.
- ⁶⁰ *Ibid.*
- ⁶¹ *Ibid.*
- ⁶² Malik Bin Nabi, *Hadith al-Bina' al-Jadid*, dikumpul dan diberi pengantar oleh 'Umar Kamil Masqawiy, *al-Maktab al-'Ashriyah li al-Tiba'ah wa al-Nasyr*, Sidon, hal. 10.
- ⁶³ Malik Bin Nabi, *Muzakkirat Syahid al-Qarn*, al-Talib, rujukan terdahulu, hal. 20, 24 dan 42-43.
- ⁶⁴ *Ibid.*
- ⁶⁵ *Ibid.*
- ⁶⁶ *Ibid.*, hal. 34-35 dan 31.
- ⁶⁷ *Ibid.*
- ⁶⁸ *Ibid.*
- ⁶⁹ *Ibid.*, hal. 32.
- ⁷⁰ *Ibid.*, hal. 60-61.
- ⁷¹ *Ibid.*, hal. 30-31.
- ⁷² *Ibid.*, hal. 106.
- ⁷³ Malik Bin Nabi, *Muzakkirat Syahid al-Qarn*, juz I, rujukan terdahulu, hal. 160-161.
- ⁷⁴ Malik Bin Nabi, *Fi Mahab al-Ma'arakah, Irhashat al-Thawrah*, rujukan terdahulu, hal. 168-169.
- ⁷⁵ Pidato Umar Masqawiy yang bertajuk *al-Ittihat al-Ra'isiyah Fi al-Fikr al-Mu'ashir*, Malik Bin Nabi, yang beliau sampaikan di Kolej Tinggi Pengkajian Islam, Beirut, pada 3 Mac 1982, dan ia telah dicetak stensil, hal. 2.
- ⁷⁶ "Boutique" istilah yang lazim digunakan rakyat Algeria bagi kegiatan politik yang batil atau demagogic, bertujuan mencari kepentingan diri sendiri meskipun merosak rakyat.
- ⁷⁷ Malik Bin Nabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 87-88 dan 90-91.
- ⁷⁸ Malik Bin Nabi, *Wijhah al-'Alam al-Islamiy*, rujukan terdahulu, hal. 87-88 dan 90-91.
- ⁷⁹ Malik Bin Nabi, *Muzakkirat Syahid al-Qarn*, juz I, rujukan terdahulu, hal. 233 dan 148.
- ⁸⁰ *Ibid.*
- ⁸¹ Malik Bin Nabi, *Fi Mahabb al-Ma'arakah, Irhashat al-Thawrah*, rujukan terdahulu, hal. 190.

- ⁸² Qays al-Nuriy, al-Ightirab Istilahan wa Mafhunan wa Waqi'an, majalah "Alam Al-Fikr", jilid X, bil. I, April, Mei dan Jun 1979, terbitan Kementerian Penerangan Kuwait, hal. 17.
- ⁸³ Malik Bin Nabi, Muzakkirat Syahid al-Qarn, juz I, rujukan terdahulu, hal. 107.
- ⁸⁴ Ibid, hal 160-161.
- ⁸⁵ Malik Bin Nabi, Intaj al-Mustasyriqin wa Atharuhu fi al-Fikr al-Is- lam al-Hadith, Maktabah 'Ammar, Kaherah, tanpa tarikh, hal. 15-16.
- ⁸⁶ Malik Bin Nabi, Muzakkirat Syahid al-Qarn, al-Talib, rujukan terdahulu, hal. 244.
- ⁸⁷ Malik Bin Nabi, Muzakkirat Syahid al-Qarn, juz I, rujukan terdahulu, hal. 957.
- ⁸⁸ Ibid, hal. 182.
- ⁸⁹ Ibid, hal. 54.
- ⁹⁰ Ibid, hal. 108.
- ⁹¹ Malik Bin Nabi, Muzakkirat Syahid al-Qarn, juz I, rujukan terdahulu, hal. 200.
- ⁹² Ibid, hal. 30-31.
- ⁹³ Malik Bin Nabi, Syurut al-Nahdah, terj. Umar Kamil Masqawiy dan Abdussabbur Syahin, terbitan Nadwah Malik Bin Nabi, Beirut, Dar al-Fikr, Damsyik, 1979, hal. 10.
- ⁹⁴ Malik Bin Nabi, Muzakkirat Syahid al-Qarn, terj. Marwan al- Qinwaniy, hal. 108.
- ⁹⁵ Malik Bin Nabi, Wijhah al-'Alam al-Islamiy, rujukan terdahulu, hal. 10 (al-Muqaddimah).

MALEK BENNABI

DAN

PERGOLAKAN SOSIAL

(MALEK BENNABI DAN ZAMANNYA)

Pada awal abad ke-20, muncul beberapa orang tokoh yang agak menonjol dalam pemikiran tentang perubahan sosial, meskipun pendekatan mereka berbeza-beza.

Ramai di antara mereka yang telah dikenali melalui karya-karya atau menerusi sumber maklumat yang luas, namun atas sebab-sebab tertentu, ada di antara mereka yang seolah-olah dilupakan. Ini termasuklah tokoh pemikiran kita yang telah memberikan sumbangan berharga kepada dunia pemikiran Islam khususnya mengenai perubahan sosial iaitu **MALEK BENNABI (1905-1973)**.

Malek Bennabi boleh dianggap sebagai salah seorang perintis jalan pemikiran perubahan sosial di dunia Arab dan Islam pada zaman tersebut. Beliau telah menggunakan pendekatannya sendiri dalam kajiannya terhadap masalah lama dan baharu serta melontarkan pandangan dan gagasan yang bernas untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul di dunia Islam ketika itu.

Selain itu, beliau juga tergolong sebagai intelek Muslim yang berani menyatakan pandangannya dengan penuh keyakinan bahawa masih ada sistem lain yang dapat dijadikan pendekatan untuk mencetuskan suatu kebangkitan menuju ke arah peradaban yang bernilai. Sistem itu ialah Islam yang mampu menggantikan kapitalisme dan sosialisme.

YADIM
YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA



e ISBN 978-967-5128-95-0



9 789675 128950